

**PENGLIBATAN PIHAK BERKEPENTINGAN DALAM PENGURUSAN WARISAN:  
KAJIAN KES TERHADAP DUA BANGUNAN RUMAH KEDAI LAMA DI  
KAMPUNG CINA KUALA TERENGGANU DAN KAMPUNG BUDAYA  
TERENGGANU**

**NUR BALQIS BINTI CHE GHANI**

**IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN KEPUJIAN**

**2024**



Penglibatan Pihak Berkepentingan Dalam Pengurusan Warisan:  
Kajian Kes Terhadap Dua Bangunan Rumah Kedai Lama Di Kampung Cina Kuala  
Terengganu Dan Kampung Budaya Terengganu

Oleh

Nur Balqis Binti Che Ghani  
C20A1233

Laporan ini dihantar bagi memenuhi kehendak Ijazah Sarjana Muda  
Pengajian Warisan dengan kepujian

Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan  
Universiti Malaysia Kelantan


2024

## PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.



**TERBUKA** Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh).



**SEKATAN** Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah. Dari tarikh \_\_\_\_\_ hingga \_\_\_\_\_



**SULIT** (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmii 1972)\*



**TERHAD** (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)\*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut :

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan Utama

Nur Balqis Binti Che Ghani

Tarikh: 7/03/2024

Tandatangan Penyelia

DR. SURAYA SUKRI  
Senior Lecturer  
Department of Heritage Studies  
Faculty of Creative Technologies and Heritage  
Universiti Malaysia Kelantan (UMK)  
16300, Kelantan, Malaysia

Dr. Suraya Binti Sukri

Tarikh: 6/3/2024

Nota \* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kepilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan

## ISI KANDUNGAN

<b>PERAKUAN TESIS .....</b>	<b>i</b>
<b>ISI KANDUNGAN.....</b>	<b>ii</b>
<b>PENGHARGAAN.....</b>	<b>v</b>
<b>ABSTRAK .....</b>	<b>vi</b>
<b>SENARAI RAJAH.....</b>	<b>vii</b>
<b>SENARAI JADUAL .....</b>	<b>vii</b>
<b>SENARAI GAMBAR .....</b>	<b>vii</b>
<b>BAB SATU PENDAHULUAN .....</b>	<b>1</b>
1.0 PENGENALAN .....	1
1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN .....	3
1.1.1 Bangunan rumah kedai lama Kampung Cina Kuala Terengganu .....	3
1.1.2 Kampung Budaya Terengganu .....	4
1.2 PERMASALAHAN KAJIAN .....	6
1.3 PERSOALAN KAJIAN.....	8
1.4 OBJEKTIF KAJIAN .....	8
1.5 SKOP KAJIAN .....	9
1.6 KEPENTINGAN KAJIAN .....	12
1.7 PENUTUP.....	13
<b>BAB DUA SOROTAN KAJIAN .....</b>	<b>14</b>
2.0 Pengenalan .....	14

2.1 Warisan dan Bangunan .....	14
2.1.1 Pengurusan bangunan warisan di Malaysia.....	16
2.1.2 Kriteria penting untuk mengukur bangunan warisan .....	17
2.1.3 Pelaksanaan kerja penyelenggaran rumah kedai lama dalam zon warisan ....	19
2.2 Kerangka teori.....	20
2.2.1 Teori Pihak Berkepentingan.....	21
2.3 Penutup.....	22
<b>BAB TIGA METODOLOGI .....</b>	<b>23</b>
3.0 Pengenalan .....	23
3.1 Pendekatan kajian.....	23
3.2 Reka bentuk kajian.....	24
3.3 Unit Analisis .....	25
3.4 Kaedah kajian.....	26
3.4.1 Kaedah Temu bual.....	26
3.4.2 Kaedah Pemerhatian .....	27
3.5 Teknik pengumpulan data .....	28
3.5.1 Data primer.....	28
3.5.2 Data Sekunder .....	30
3.6 Pensampelan data .....	32
3.7 Analisis data.....	33
3.8 Penutup.....	36
<b>BAB EMPAT DAPATAN KAJIAN.....</b>	<b>37</b>

4.0 Pengenalan .....	37
4.1 Penglibatan pihak yang berkepentingan dalam pengurusan bangunan rumah kedai lama di Kampung Cina Kuala Terengganu dan Kampung Budaya Terengganu .....	38
4.2 Mengkaji sumbangan pihak berkepentingan dalam menguruskan bangunan rumah kedai lama Kampung Cina Kuala Terengganu dan Kampung Budaya Terengganu ..	42
4.2.1 Sumbangan Kampung Cina dan Kampung Budaya sebagai Kampung Warisan dalam memartabatkan warisan di Terengganu.....	44
4.3 Cabaran pihak berkepentingan dalam memastikan bangunan rumah kedai lama yang terdapat di Kampung Cina Kuala Terengganu terpelihara dan dinaiktaraf serta Kampung Budaya diurus dengan baik .....	51
4.3.1 Pengurusan sumber manusia .....	51
4.3.2 Pertukaran parti pemerintahan.....	55
4.3.3 Cabaran isu kewangan .....	57
4.4 Penutup.....	58
<b>BAB LIMA CADANGAN DAN KESIMPULAN .....</b>	<b>59</b>
5.0 Pengenalan .....	59
5.1 Cadangan.....	62
5.1.1 Kampung Cina Kuala Terengganu .....	62
5.1.2 Kampung Budaya Terengganu .....	62
5.2 Kesimpulan .....	63
<b>Rujukan .....</b>	<b>64</b>
<b>Lampiran .....</b>	<b>67</b>

## **PENGHARGAAN**

Alhamdulillah, bersyukur kehadrat Illahi kerana dengan izin dan berkat dariNya saya dapat menyiapkan laporan penyelidikan bagi memenuhi syarat bergraduat Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan kepujian dalam tempoh yang ditetapkan. Selain itu, kajian penyelidikan yang dijalankan ini telah berjaya disiapkan setelah segala kekangan dan masalah yang dihadapi dalam tempoh tersebut. segala cabaran yang dihadapi mengajar saya erti kesabaran dalam menuntut ilmu dan kemanisan sesebuah kejayaan.

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Dr. Suraya Binti Sukri selaku penyelia bagi projek penyelidikan ini yang telah banyak memberikan dorongan dan tunjuk ajar sepanjang menjalankan kajian ini dan segala ilmu yang diberikan amatlah saya hargai. Selain itu, terima kasih juga diucapkan wakil pihak berkepentingan serta kepada semua pihak yang terlibat di kampung Cina dan kampung Budaya Terengganu kerana sudi meluangkan masa dan berkongsi maklumat secara langsung atau tidak langsung seterusnya membantu saya menyiapkan kajian penyelidikan ini dengan baik.

Selain itu, tidak dilupakan juga setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada ayahnda tersayang iaitu Che Ghani bin Che Muda yang tidak pernah berhenti untuk memberikan dorongan semangat dan sokongan dari pelbagai aspek dalam usaha menyiapkan kajian ini. Disamping itu, ucapan terima kasih tidak terhingga untuk rakan seperjuangan yang banyak membantu, sokongan moral dan sebagainya. Sejurnya, segala kebaikan kalian amat saya hargai dan semoga mendapat keberkatan dariNya.

Akhir sekali, di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan sekalung penghargaan kepada semua yang terlibat dalam membantu saya sepanjang 4 tahun tempoh pengajian di Universiti Malaysia Kelantan.

## **ABSTRAK**

Projek penyelidikan ini merupakan sebuah kajian berkenaan peranan pihak berkepentingan dalam pengurusan warisan terhadap dua bangunan rumah kedai lama di Kampung Cina Kuala Terengganu dan Kampung Budaya Terengganu. Namun, setiap tadbir urus pengurusan pasti mempunyai masalah dan cabarannya yang tersendiri. Setiap bangunan mahupun tapak warisan sememangnya memerlukan pihak pengurusan warisan yang boleh mentadbir urus warisan tersebut agar ia kekal terpelihara hingga ke hari ini. Seterusnya, masalah berkaitan penyelenggaraan juga perlu diberi perhatian terutamanya melibatkan kejadian yang tidak dapat dijangka serta masalah kawasan yang kurang dikenali dan memerlukan jalan penyelesaian sebaiknya. Justeru, tujuan utama kajian ini adalah untuk mengkaji siapakah pihak yang berkepentingan dalam pengurusan warisan, sumbangan yang telah dilakukan serta dan cabaran yang telah dihadapi oleh pihak berkepentingan ini dalam pengurusan warisan pada masa kini. Di dalam penyelidikan ini juga, pengkaji telah memilih teori pihak berkepentingan melalui empat perspektif berbeza iaitu komuniti, organisasi awam, organisasi swasta dan pengguna. Selain itu, pengkaji menggunakan pendekatan kajian kualitatif iaitu mendapatkan data melalui kaedah temubual dan pemerhatian serta dianggap sebagai kaedah bersesuaian untuk menjawab objektif kajian pengkaji. Justeru, hasil jangkaan penyelidikan ini akan menemui punca kejayaan sesebuah pengurusan warisan dan impaknya kepada semua. Walaupun pengkaji telah memilih dua lokasi yang berbeza dalam mengkaji peranan pihak berkepentingan dalam pengurusan warisan namun pada akhirnya tetap akan membawa matlamat yang sama. Malah, melalui kajian ini juga diharapkan dapat membantu pihak yang berkepentingan yang menguruskan warisan ini supaya dapat memberi sumbangan yang lebih baik dan dapat meminimumkan cabaran yang akan dihadapi.

	<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>Rajah 1.5</b>	Peta lokasi penempatan Kampung Cina, Kuala Terengganu	10
<b>Rajah 1.5</b>	Peta lokasi Kampung Budaya Terengganu	11
<b>Rajah 2.2.1</b>	Kerangka Teori Pihak Berkepentingan	21
<b>Rajah 3.1</b>	Teknik pengumpulan data	28
<b>Rajah 3.7</b>	Fasa analisa tematik	33
	<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>Jadual 1</b>	Penglibatan pihak berkepentingan di Kampung Cina dan Kampung Budaya	39
	<b>SENARAI GAMBAR</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>Gambar 4.1</b>	Lorong antara bangunan yang terdapat di Kampung Cina	44
<b>Gambar 4.2</b>	Lorong Penyu antara bangunan yang terdapat di Kampung Cina	45
<b>Gambar 4.3</b>	Lorong yang terdapat di Kampung Cina Terengganu	45
<b>Gambar 4.4</b>	Pengkaji berada di rumah nelayan Kampung Budaya	50

## BAB SATU

### PENDAHULUAN

#### 1.0 PENGENALAN

Terengganu merupakan sebuah negeri yang mempunyai pelbagai keunikan dan keistimewaan. Kampung Cina Kuala Terengganu dan Kampung Budaya Losong merupakan antara destinasi pelancongan berdasarkan warisan yang terdapat di negeri Terengganu. Bangunan warisan merupakan salah satu aset penting kerana ia melambangkan identiti sesebuah kawasan tersebut. Ia juga menyumbang kepada pembentukan warisan dan budaya yang diturunkan dari generasi ke generasi. Seterusnya, di sebalik keindahan warisan yang kita rasai pada hari ini, wujudnya pihak berkepentingan yang mempunyai peranan tidak kurang pentingnya kepada pengurusan warisan.

Pengurusan warisan merupakan perkara yang paling penting dalam meningkatkan sistem serta prosedur pengurusan sesebuah aset warisan. Pengurusan warisan juga boleh merujuk kepada sesuatu usaha dalam mengekalkan nilai budaya terhadap aset warisan budaya dengan menggunakan kaedah penjagaan yang sistematik dan teratur agar ia dapat dinikmati oleh generasi akan datang. Namun, adalah penting bahawa semua pihak mengambil tanggungjawab dalam menjaga aset warisan selari dengan Akta Warisan Kebangsaan 2005(645). Setelah pewartaannya dibuat oleh Jabatan Warisan Negara (JWN), tanggungjawab menjaga, memelihara dan memulihara warisan tidaklah tertumpu kepada pihak berkepentingan semata-mata (Syukri, 2022).

Menurut Fielman(1984), beliau telah mendefinisikan pihak berkepentingan sebagai “mana-mana kumpulan atau individu yang boleh menjaskankan atau terjejas oleh

capaian objektif organisasi. Dalam konteks pengurusan warisan, pihak berkepentingan adalah individu yang mempunyai tanggungjawab dan peranannya dalam memastikan sesuatu warisan dapat dikekalkan keasliannya dan mampu bertahan sehingga hari ini. Pihak berkepentingan memainkan peranan penting dalam pengurusan warisan. Warisan merujuk kepada aset budaya, semula jadi dan sejarah yang diwarisi dari masa lalu dan mempunyai nilai kepada generasi masa kini dan akan datang. Pengurusan warisan melibatkan pemeliharaan, pemuliharaan dan promosi aset ini untuk menjaga kepentingannya dan memastikan penggunaannya secara mampan. Pelbagai pihak berkepentingan terlibat dalam proses ini, dan kerjasama mereka adalah penting untuk pengurusan warisan yang berkesan (Yusoff et al., 2013, ). Kejayaan pengurusan warisan bergantung kepada penyertaan aktif dan kerjasama semua pihak berkepentingan ini. Melibatkan mereka dalam membuat keputusan, memastikan keterangkuman dan mempertimbangkan pelbagai perspektif boleh membawa kepada pemuliharaan dan strategi pengurusan warisan yang lebih komprehensif dan berkesan.

Bangunan rumah kedai lama di Kampung Cina Kuala Terengganu dan Kampung Budaya Terengganu merupakan antara contoh perkampungan warisan yang memerlukan penglibatan pihak berkepentingan dalam menguruskannya. Sesebuah kampung yang berkonsepkan warisan haruslah mempunyai nilai dan identiti dalam aspek warisan dan budaya serta boleh memberi manfaat kepada komuniti (Merican, 2016). Hal ini bermakna masyarakat perlu meletakkan kepentingan yang penting dalam memelihara dan mempromosikan aset budaya, sejarah dan semula jadinya. Warisan dalam sesebuah kampung seperti di Kampung Cina Kuala Terengganu dan Kampung Budaya Terengganu menjadi tumpuan utama identiti, kebanggaan, dan pembangunan mampan dalam masyarakat.

## 1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

### 1.1.1 Bangunan rumah kedai lama Kampung Cina Kuala Terengganu

Kampung Cina Kuala Terengganu sangat kaya dengan sejarah dan warisan, sejak lebih tiga abad yang lalu, orang Cina terutamanya dari Wilayah Fujian diikuti mereka dari Pulau Hainan,Wilayah Guangding dan bahagian lain Selatan China telah tinggal di Kampung Cina Kuala Terengganu. Mereka telah menguruskan perdagangan tempatan dan antarabangsa. Hal ini telah dibuktikan dengan jelas apabila seorang peneroka, pelayar dan pedagang yang terawal dari syarikat Hindia Timur iaitu Kapten Alexander Hamilyon semasa lawatan beliau pada tahun 1719. Melalui penulisan beliau, penempatan orang cina di sini adalah jelas kerana mempunyai kira-kira seribu rumah yang dibina dalam bentuk tidak teratur dan separuh daripadanya adalah orang cina (Ithnin, 2019).

Perdagangan antarabangsa dan tempatan telah direkodkan sejak dinasti Song dari abad ke-10, sebuah penempatan rasmi Cina hanya mula terbentuk di Kuala Terengganu 300 tahun dahulu. Pada awal abad ke-18, terdapat lebih daripada seribu rumah, namun kebakaran besar memusnahkan kebanyakan struktur pada tahun 1880-an. Terletak di pantai Laut China Selatan, penempatan itu secara semula jadi menjadi pintu masuk bagi pendatang Cina yang berminat untuk menyertai ledakan perlombongan bijih timah di Semenanjung Malaysia pada pertengahan abad ke-19. Kini, terdapat kira-kira 270 rumah kedai yang tinggal, kebanyakannya di sepanjang jalan sempit Jalan Bandar (dahulunya Jalan Kampung Cina). Seni bina mereka menggabungkan gaya China Selatan, Neoklasik dan Art Deco. Rumah Chinatown disambungkan antara satu sama lain untuk membentuk satu struktur panjang namun kadangkala rumah kedai dipisahkan oleh lorong yang sempit. Bangunan dua tingkat ini kedua-duanya

digunakan sebagai tempat kediaman dan ruang komersial. Tingkat pertama sering digunakan sebagai restoran, kedai runcit atau gudang, dan tingkat kedua adalah tempat tinggal pemilik kedai(Sua & Ngah, 2013).

Kampung Cina Kuala Terengganu sangat padat. Oleh itu, ia boleh diterokai dalam beberapa jam dengan hanya berjalan kaki. Terdapat beberapa restoran, kafe dan tempat penginapan di ruang utama disini. Tidak ketinggalan juga lorong-lorong sempit yang telah di warna warnikan oleh artis tempatan dengan mural, graffiti dan seni pemasangan, sama seperti kawasan bersejarah di Melaka dan Pulau Pinang yang juga merupakan Tapak Warisan Dunia UNESCO. Para pelancong yang datang ke Kampung Cina Kuala Terengganu pasti akan teruja dengan seni bina yang terdapat di Kampung Cina. Pada pandangan pertama melihat bangunan rumah kedai yang terdapat disini, sudah pasti yang tergambar dalam fikiran kita bahawa pengaruh seni binanya itu berasal dari Cina (Ain, 2018).

### **1.1.2 Kampung Budaya Terengganu**

Menurut Che Haron (2021), Kampung Budaya Terengganu adalah sebuah muzium hidup yang mempunyai gabungan jenis kebudayaan, kesenian dan warisan yang terdapat di negeri Terengganu. Muzium ini telah menjadi satu daya tarikan baru dalam sektor pelancongan. Selain itu, gabungan pelbagai jenis kebudayaan, kesenian dan warisan yang dihimpunkan dalam satu kawasan telah meningkatkan nilai warisan ketara mahupun warisan tidak ketara yang terdapat di negeri Terengganu. Hal ini kerana pelancong dapat menikmati dan merasai sendiri kebudayaan yang terdapat di Terengganu melalui kampung ini. Terdapat pelbagai jenis aktiviti kebudayaan yang terdapat disini telah memberi peluang kepada

pelancong untuk menghayati keunikan dan keistimewaan warisan budaya di negeri Terengganu.

Kampung Budaya Terengganu yang berkonsepkan muzium hidup merupakan sebuah perkampungan yang mula dibuka kepada orang ramai semenjak September 2020 (Zolkiply, 2020). Kampung Budaya Terengganu yang dibuka kepada orang ramai telah memberi sumbangan yang amat besar terutamanya dalam kegiatan ekonomi negeri Terengganu. Penduduk setempat di kawasan ini juga mendapat manfaat dari segi ekonomi kerana mereka boleh menjana pendapatan melalui aktiviti pelancongan yang boleh dijalankan di kawasan tersebut. Terdapat pelbagai jenis aktiviti kesenian dan kebudayaan negeri Terengganu, demonstrasi dan juga pameran-pameran kesenian. Aktiviti-aktiviti ini merupakan salah satu perkara yang amat baik dalam usaha memelihara dan memuliha warisan-warisan yang terdapat di negeri Terengganu. Konsep “muzium hidup” merupakan satu pendekatan yang membolehkan masyarakat mahupun pengunjung menghayati kembali tradisi dan kehidupan sebenar orang Terengganu.

Kini Kampung Budaya Terengganu telah menjadi salah satu produk pelancongan terbaharu di negeri Terengganu, dengan cara mengekalkan dan memperkenalkan kekayaan produk serta budaya tradisional masyarakat di negeri Terengganu kepada pelancong luar mahupun kepada generasi muda dan masyarakat di negeri Terengganu itu sendiri. Inisiatif ini adalah bertujuan untuk memupuk kesedaran tentang nilai-nilai budaya tradisional Terengganu serta keindahan seni bina dan tenaga kerja mahir yang dimiliki oleh Terengganu. Dalam Kampung Budaya Terengganu terdapat pelbagai aset yang bernilai negeri Darul Iman ini antaranya ialah tarian, muzik, sastra dan kraf tradisional yang unik dan

yang berperanan ialah seni bina rumah-rumah tradisional di sana. Menurut Mubin Sheppard (1969), seni bina menjadi semakin rancak selepas tahun-tahun 1980-an yang bertujuan membentuk identiti seni bina Melayu. Hal ini merupakan perkara penting dalam memelihara dan mempromosikan kekayaan budaya yang mentakrifkan identiti masyarakat Terengganu, serta membangunkan pemahaman dan penghayatan adat dan budaya ini.

## 1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Sesebuah bangunan warisan sememangnya memerlukan pengurusan yang baik oleh pihak-pihak berkepentingan. Tanpa peranan mereka, bangunan warisan seperti yang berada di Kampung Cina Kuala Terengganu tidak akan bertahan sehingga hari ini. Selain itu, Kampung Budaya Terengganu merupakan kawasan yang baru diperkenalkan kepada masyarakat di negeri Terengganu dan pihak pengurusan haruslah bergerak secara telus bagi menjaga kelestarian kawasan Kampung Budaya ini agar ianya terus terpelihara. Sesebuah pengurusan warisan sememangnya memerlukan perancangan dari segi pemeliharaan dan pemuliharaan. Ia memerlukan tanggungjawab daripada beberapa pihak yang berkepentingan dalam tadbir urus dalam pengurusan berkenaan. Namun, konteks pihak berkepentingan itu meluas (Fielman, 1984). Justeru, pihak berkepentingan perlu mengambil pendekatan dalam sesebuah pengurusan agar tiada pihak yang mengambil kesempatan dan kepentingan peribadi dalam tadbir urus berkenaan.

Isu yang seterusnya ialah isu penyelenggaraan. Pada September, satu kebakaran telah berlaku di Kampung Cina Kuala Terengganu. Menurut (Salim, 2022) kebakaran ini telah mengakibatkan dua belas deretan rumah kedai di Kampung Cina ini hangus terbakar. Kebakaran ini bukan sahaja memberi kesan kepada pemilik rumah kedai lama berkenaan. Namun ia turut memberi kesan kepada warisan dan sejarah di sini. Oleh hal yang demikian, peranan pihak berkepentingan sangat diperlukan dalam menangani

musibah yang berlaku seterusnya mengekalkan kelestarian untuk kepentingan pada masa akan datang. Kesan daripada kebakaran seperti ini akan menjelaskan identiti bangunan berkenaan kerana dengan adanya pembangunan bangunan baharu, ianya tidak akan menghilangkan identiti asal bangunan tersebut. Namun sekiranya kerajaan dapat membangunkan kembali bangunan tersebut dengan mengekalkan ciri-ciri warisan yang terdapat pada bangunan tersebut adalah hal yang amat baik kerana warisan bangunan akan terpelihara. Sesebuah penyelenggaran warisan perlulah mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan dan diluluskan oleh Jabatan Warisan Negara (JWN) menurut Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645).

Seterusnya, meskipun bangunan rumah kedai lama di Kampung Cina dan Kampung Budaya Terengganu juga telah menjadi salah satu tumpuan orang ramai dengan pelbagai daya tarikan yang terdapat disitu namun ianya masih kurang dikenali. Kampung Cina Kuala Terengganu dan Kampung Budaya Terengganu adalah antara destinasi pelancongan yang tidak asing lagi di Terengganu. Kampung Cina dan Kampung Budaya mempunyai pelbagai jenis aktiviti dan juga program-program menarik yang ditawarkan kepada pengunjung yang datang ke situ (Ariff, 2020). Namun jika tiada promosi tempat-tempat ini, pengunjung tidak dapat mengetahui keistimewaan tempat berkenaan. Tambahan pula, Kampung Budaya Terengganu merupakan antara tempat pelancongan yang berasaskan baru yang terdapat di Terengganu. Oleh itu, pelbagai jenis promosi perlu dilakukan dengan giat agar tempat ini lebih dikenali.

### **1.3 PERSOALAN KAJIAN**

Bagi mencapai tujuan kajian ini, beberapa persoalan kajian telah dianalisis seperti berikut:

- 4.1 Siapakah pihak yang berkepentingan dalam pengurusan bangunan rumah kedai lama di Kampung Cina Kuala Terengganu dan Kampung Budaya Terengganu?
- 4.2 Apakah sumbangan pihak berkepentingan dalam menguruskan bangunan rumah kedai lama di kampung Cina Kuala Terengganu dan Kampung Budaya Terengganu?
- 4.3 Apakah cabaran yang dihadapi oleh pihak berkepentingan dalam melestarikan bangunan yang terdapat di kampung Cina dan Kampung Budaya Terengganu?

### **1.4 OBJEKTIF KAJIAN**

Antara objektif kajian yang terdapat dalam kajian ini ialah :

- 5.1 Mengenal pasti pihak yang berkepentingan dalam pengurusan bangunan rumah kedai lama di Kampung Cina Kuala Terengganu dan Kampung Budaya Terengganu
- 5.2 Mengkaji sumbangan pihak berkepentingan dalam menguruskan bangunan rumah kedai lama Kampung Cina Kuala Terengganu dan Kampung Budaya Terengganu
- 5.3 Menganalisis cabaran pihak berkepentingan dalam melestarikan bangunan rumah kedai lama yang terdapat di Kampung Cina Kuala Terengganu dan Kampung Budaya Terengganu.

## 1.5 SKOP KAJIAN


Skop dalam kajian ini telah berfokus kepada peranan pihak yang berkepentingan dalam menguruskan bangunan warisan iaitu bangunan rumah kedai lama yang terdapat di Kampung Cina Kuala Terengganu dan Kampung Budaya Terengganu. Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji peranan pihak berkepentingan dalam sesuatu pengurusan warisan. Pengkaji telah memilih dua lokasi kajian yang berbeza dalam Negeri Terengganu dalam melakukan penyelidikan ini kerana kedua lokasi ini merupakan perkampungan warisan yang mempunyai pengurusan daripada pihak berkepentingan yang berbeza. Justeru, pengkaji ingin melakukan penyelidikan terhadap peranan mereka dalam sesebuah pengurusan warisan dan impaknya kepada lokasi ataupun Kampung tersebut. Kampung Cina Kuala Terengganu dan Kampung Budaya Terengganu merupakan sebuah perkampungan warisan yang juga menjadi daya tarikan pelancong yang datang berkunjung ke Terengganu. Sumbangan kedua buah kampung ini amatlah besar terhadap warisan budaya kerana kedua duanya memiliki keunikannya tersendiri. Antara pihak berkepentingan yang memainkan peranan yang penting dalam pengurusan bangunan rumah kedai lama di Kampung Cina Kuala Terengganu ialah organisasi swasta iaitu persatuan-persatuan atau badan bukan kerajaan (NGO) manakala di Kampung Budaya pihak yang terlibat adalah organisasi kerajaan.



Rajah 1.5: Peta lokasi penempatan Kampung Cina, Kuala Terengganu

Sumber : Google maps (2023)

Lokasi pertama dalam kajian ini ialah di Kampung Cina Kuala Terengganu. Kajian ini berfokus kepada bangunan rumah kedai lama yang terdapat di kampung Cina Kuala Terengganu. Secara umumnya, Kampung Cina mempunyai deretan kedai lama yang merupakan salah satu bangunan warisan dengan sejarahnya tersendiri. Bangunan kedai lama di sini mempunyai reka bentuk bangunan yang unik dan mempunyai identitinya yang tersendiri. Kebanyakan bangunan rumah kedai lama ini adalah bangunan dua tingkat dan masih kekal terpelihara sehingga sekarang. Selari dengan modernisasi, banyak pembangunan baru telah dibuat di Kuala Terengganu yang terletak berhampiran Kampung Cina ini. Hal ini telah menjadikan Kampung Cina sebuah penempatan yang strategik yang terdapat di Kuala Terengganu.



Rajah 1.5: Peta Lokasi Kampung Budaya Terengganu

Sumber: Google maps(2023)

Skop kajian pengkaji seterusnya adalah berfokus pada Kampung Budaya Terengganu. Kampung Budaya Terengganu merupakan sebuah perkampungan yang mengamalkan konsep “live museum” . Lokasi Kampung Budaya Terengganu ini adalah berdekatan dengan Muzium Negeri iaitu di Kampung Losong Terengganu. Terdapat buah rumah tradisional yang ditempatkan di Kampung Budaya Terengganu ini iaitu Rumah Nelayan, Rumah Bujang Berserambi Selasar, Rumah Bujang Berkembar, Rumah Limas Belanda, Rumah Tele, Istana Tengku Long, Laman Singgahsana dan Laman Warisan (Che Haron, 2021).

Justeru, pengkaji telah memilih dua lokasi ini sebagai tajuk kajian kerana kedua lokasi ini adalah perkampungan warisan yang mempunyai daya tarikan terutamanya dalam sektor pelancongan budaya yang terdapat di Terengganu. Kedua lokasi ini juga mempunyai banyak sumbangan terhadap pelestarian warisan dan budaya di Terengganu. Selain itu, Kampung Cina merupakan sebuah perkampungan yang sudah lama bertapak

di Terengganu manakala Kampung Budaya mula dibuka pada tahun 2020 kepada orang ramai. Oleh itu, pengkaji ingin

### **1.6 KEPENTINGAN KAJIAN**

Kajian merupakan salah satu elemen yang paling penting dalam mencapai sesuatu objektif penyelidikan. Dalam Pendidikan Pengajian Tinggi seperti Universiti, projek penyelidikan adalah satu kewajipan yang perlu dilaksanakan oleh semua pelajar untuk membina pengetahuan dan untuk kepentingan di masa akan datang. Projek penyelidikan dalam pendidikan telah membolehkan kemajuan yang ketara dibuat dalam pembangunan dan pembaharuan, mendidik pelajar menghadapi kesukaran yang dihadapi dan untuk menyesuaikan kaedah pengajaran dengan keperluan pelajar. Kajian di dalam pembelajaran dapat memberi pendedahan dan pengetahuan yang lebih mendalam kepada pelajar untuk menguasai sesuatu bidang tersebut terutamanya kepada pengkaji sendiri. Kajian diperlukan untuk memberi kefahaman yang lebih jelas dengan menghubungkaitkan apa yang dipelajari semasa kuliah oleh pensyarah dan situasi yang sebenar. Malahan ia juga dapat memberi sumbangan kepada pengetahuan baharu dan cara orang lain akan mendapatkan manfaat daripadanya. Oleh itu, kajian dalam institusi pendidikan adalah diperlukan bagi kepentingan kepada pelajar, pensyarah mahupun pihak universiti sendiri.

Kajian juga penting untuk membuka mata semua pihak dalam pemeliharaan dan pemuliharaan sesuatu bangunan warisan seperti Kampung Cina Kuala Terengganu. Masyarakat merupakan antara komuniti yang paling penting dan mempunyai peranan dalam sesebuah kampung berdasarkan warisan. Kajian ini diharapkan mampu memberi kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan mereka terhadap tanggung jawab menjaga dan menguruskan sebuah komuniti. Pengkaji sangat berharap agar masyarakat membantu usaha pihak berkepentingan dalam pengurusan warisan agar ia kekal bertahan

sehingga hari ini dan generasi akan datang. Warisan adalah cerminan identiti budaya dan akar sejarah masyarakat. Komuniti yang mempunyai minat yang kuat dalam warisan sering berbangga dengan tradisi, bahasa, kesenian dan adat resam mereka, yang menyumbang kepada semangat kekitaan mereka.

Selain itu, kajian ini juga sangat penting kepada individu iaitu pengkaji sendiri. Melalui proses menjalankan projek penyelidikan. Pengkaji perlu mendalamai topik atau persoalan kajian secara mendalam. Penerokaan yang mendalam ini membolehkan pengkaji memperoleh pengetahuan dan kepakaran yang komprehensif dalam bidang pengajian pilihan pengkaji. Projek penyelidikan melibatkan analisis kritikal, penilaian literatur, dan tafsiran data. Ini memupuk dan mempertajam kebolehan pemikiran kritis individu, yang penting untuk menyelesaikan masalah dan membuat keputusan dalam pelbagai aspek kehidupan. Projek penyelidikan juga melibatkan pembentangan daptan penyelidikan dengan cara yang jelas dan koheren. Hal ini dapat meningkatkan kemahiran komunikasi bertulis individu, yang berharga dalam konteks akademik, profesional dan peribadi kepada individu.

## 1.7 PENUTUP

Bangunan warisan boleh melambangkan identiti kepada sesuatu tempat berkenaan. Bangunan warisan yang sudahpun bertahan lamanya haruslah dipelihara dan dipulihara dengan baik kerana ia terkandung nilai dan sejarah yang membuktikan bahwa warisan adalah hal yang sangat penting untuk rujukan generasi akan datang. Sesebuah pengurusan warisan adalah elemen yang sangat penting bagi memastikan sesuatu bangunan dapat bertahan hingga hari ini dan hari-hari yang akan datang. Pihak bertanggungjawab sewajarnya memainkan peranan yang penting dalam sesuatu pengurusan bangunan warisan. Sesuatu perancangan dan pengurusan yang baik perlu dilaksanakan supaya ia dapat diselenggarakan dengan baik.

## BAB DUA

### SOROTAN KAJIAN

#### 2.0 Pengenalan

Bab ini membincangkan kajian-kajian yang terdahulu yang berkaitan dengan penyelidikan yang dijalankan iaitu mengenai bangunan rumah kedai lama yang dikategorikan sebagai bangunan warisan. Sorotan kajian lepas sangat penting dalam membantu pengkaji untuk menggunakan fakta-fakta atau hujah yang berkaitan kajian dengan tepat dan benar (Powell, 1994). Bangunan lama mempunyai maksud yang tersurat dan tersirat di sebaliknya dan mempunyai harga dan nilainya sendiri.

#### 2.1 Warisan dan Bangunan

Menurut kamus Dewan dan Pustaka edisi keempat (2007) warisan merupakan sesuatu yang boleh diterima oleh kelompok masyarakat dari generasi ke generasi atau secara turun temurun daripada generasi terdahulu. Namun terdapat beberapa definisi yang telah digunakan bagi menjelaskan makna warisan ini dan sebuah kefahaman yang jelas amat diperlukan bagi memahami istilah dan maksud yang telah digunakan. Selain itu, warisan juga merupakan apa jua tinggalan semula jadi yang alih atau tidak alih atau yang nampak atau tidak nampak secara turun temurun. Hal ini bermaksud apa jua hasil daripada perbuatan masyarakat terdahulu yang masih menjadi kegunaan atau rujukan masyarakat masa kini dan menjadi sebagai sebahagian alat mereka meneruskan hidup dianggap sebagai warisan (Akta 179 Harta Benda Purba, 1976). Definisi ini juga jelas disokong selari dengan penambahan maksud definisi yang mengikut Akta Harta Benda Purba, 1976 seperti yang dinyatakan di dalam Akta Warisan Kebangsaan, 2005. Akta ini menjelaskan warisan adalah seperti warisan kebangsaan, mana-mana tapak warisan,

objek warisan, warisan kebudayaan bawah air atau mana-mana orang hidup diisytiharkan sebagai warisan kebangsaan. Maksud ini terkandung di dalam Seksyen 67, Akta Warisan Kebangsaan. Ketiga-tiga definisi itu menjelaskan bahawa warisan adalah satu peninggalan generasi terdahulu kepada generasi kini melalui hasil-hasil perbuatan tangan, pemikiran, falsafah, dan kreativiti mereka. Ini yang menggambarkan warisan itu adalah cara kehidupan masyarakat meneruskan kehidupan dan mengubah suai mengikut situasi dan cabaran hidup

Bangunan warisan adalah bangunan yang menjadi bukti kepada sejarah peninggalan sebuah tamadun. Bangunan bersejarah boleh melambangkan identiti sesuatu bangsa. Bangunan rumah kedai lama di Kampung Cina boleh dikategorikan sebagai bangunan warisan kerana ia merupakan sebuah bangunan yang bertapak lebih dari tiga abad dan mempunyai sejarahnya yang tersendiri. Menurut Fielden (2003) bangunan bersejarah sememangnya bernilai dan harus dihargai kerana kepentingan budayanya. Kepentingan bangunan ini hadir dalam bentuk ciri-ciri estetika mereka, nilai sejarah, nilai sosial, rohani nilai dan nilai simbolik. Untuk kepentingannya, bangunan bersejarah ini harus dipelihara, dikongsi dan dihargai oleh semua. (Dunn, 2000) pula menekankan bahawa penyelenggaraan adalah salah satu prinsip utama untuk pemuliharaan bangunan bersejarah. Ia adalah kaedah atau pendekatan untuk memelihara bangunan bersejarah yang sedia ada.

Pengurusan warisan adalah elemen yang penting dalam merangka kerja pemuliharaan untuk tujuan mengawasi serta melindungi bangunan warisan selepas kerja-kerja memulihara sesebuah bangunan tersebut selesai dilakukan. Menurut A. Ghafar Ahmad (2006), penyelidikan awalan, kajian dilapidasi dan penyediaan dokumen tender merupakan antara peringkat lain dalam cabang rangka kerja pemuliharaan. Pengurusan warisan adalah bertujuan untuk mengelakkan atau mengurangkan kesan kerosakan atau

kemusnahan akibat pendedahan kepada masyarakat umum dan faktor-faktor lain yang boleh menjadi kesan kerosakan termasuk faktor alam semulajadi. Amalan pengekalan dan pemuliharaan seni bina warisan di Malaysia dilihat masih lemah dan jauh terbelakang termasuk hal-hal yang berkaitan dengan pengurusan warisan (Kayan dan Zuraini, 2003). Pengurusan warisan ialah satu langkah pengawalan ke atas pelbagai sumber fizikal,sosial dan ekonomi melalui usaha usaha pemberian, penyenggaraan dan penjagaan bangunan dari masa ke semasa (A. Ghafar Ahmad 2006).

### **2.1.1 Pengurusan bangunan warisan di Malaysia**

Bangunan warisan kaya dengan sejarah dan nilainya yang tersendiri. Ia merupakan harta tinggalan nenek moyang kita pada zaman dahulu dan akan dimiliki oleh generasi kita pada masa akan datang (Prentice,1994). Kita merupakan generasi yang dipertanggungjawabkan untuk menjaga dan memulihara bangunan tersebut agar nilai dan kepentingan warisan yang terdapat pada bangunan tersebut terjaga dan kepentingan warisan yang terdapat pada bangunan tersebut dapat diwarisi oleh generasi selepas kita (Warisan, 2010).

Menjelang kemajuan negara masa kini, banyak pembangunan moden yang pesat kian dijalankan. Hal ini telah menyebabkan bilangan bangunan lama ini semakin berkurangan dan semakin lenyap ditelan zaman. Terdapat beberapa desakan yang menuntut pembangunan baru telah meninggalkan kesan apabila bangunan-bangunan lama ini terpaksa dirobohkan (Kamarul Shahril, 2007). Menurut Robiah Abdul Rashid dan A.Ghafar Ahmad (2008) hal ini adalah kerana memberi ruang kepada pembangunan yang baru manakala sebahagian yang lain pula kadangkala dibiarkan begitu sahaja tanpa adanya penjagaan yang sempurna. Namun, sekiranya ia tidak dipertahankan, hal ini akan mendorong kepada satu kerugian kerana setiap bangunan yang dicipta pasti mempunyai nilai senibina,

sejarah, budaya dan kemahiran yang sangat tinggi dalam setiap penghasilannya (Fieldan,2003). Oleh itu, bangunan lama yang mempunyai sejarah dan nilainya yang tinggi haruslah dipulihara dan dipelihara agar warisan yang terdapat pada bangunan ini masih dapat dirasai oleh generasi akan datang (Cheuk,2003).

Bangunan warisan perlu ditadbir urus dengan baik sama seperti bangunan-bangunan yang lain. Faktor penuaan serta kemerosotan akibat faktor alam sekitar dan penggunaan secara tidak langsung akan menjaskan keadaan serta fungsi sesebuah bangunan warisan berkenaan (A.Ghafar Ahmad, 2006). Namun hal ini dapat melambatkan proses tersebut sekiranya satu pelaksanaan penyelenggaraan yang baik dilakukan meskipun proses penuaan dan kemerosotan ini merupakan proses semulajadi yang akan berlaku di sepanjang hayat bangunan (Watt,2003).

### **2.1.2 Kriteria penting untuk mengukur bangunan warisan**

Dalam memastikan sesebuah bangunan warisan mampu bertahan sehingga hari ini, sebuah pengurusan dalam penyelenggaranya diperlukan bagi memastikan ia dapat diselenggarakan dengan baik. Menurut Uzarki dan Michael (2011), pengurusan aset infrastruktur tidaklah terhad kepada satu aktiviti sahaja namun ia merangkumi pelbagai jenis aktiviti. Jenis aktiviti yang dijalankan adalah termasuk dengan jangka pendek dan panjang hayat penyelenggaraan dan pembaikan, belanjawan, perancangan kerja, inventori aset, pemeriksaan, penilaian dan ramalan.

Bangunan warisan yang tidak diselenggara dengan baik akhirnya akan menjadi usang dan boleh menyebabkan pelbagai kerosakan yang mungkin akan berlaku pada bangunan tersebut. Hal ini akan menyebabkan risiko bangunan warisan tersebut kehilangan identitinya. Penilaian keadaan bangunan adalah perlu dilakukan secara berkala oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab dalam

sesebuah pengurusan bangunan tersebut. Banyak bangunan yang telah wujud beratus-ratus tahun telah mengalami kerosakan. Oleh itu, penilaian keadaan bangunan warisan adalah amat penting dalam memastikan kerosakan ini dapat diatasi (Paik, 2014) dan sebuah pemeriksaan secara berkala yang sesuai untuk mengukur keadaan semasa dan melakukan tindakan pemulihan diperlukan untuk memastikan bangunan warisan itu selamat untuk didiami (Mohamad et. Al., 2015). Oleh itu, kegagalan dalam memeriksa mahupun menilai bangunan warisan tersebut boleh menyumbang kepada kegagalan masa asset bangunan tersebut (Che-Ani et. Al., 2010).

Menurut Kamaryl (2011), sejak tertubuhnya Akta Purba 1976, aktiviti pemuliharaan dan pemeliharaan bangunan-bangunan lama di Malaysia telah mula diuruskan secara sistematis oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab. Ordinan Benda Purba dan Harta Karun (1957) ini telah wujud sejak tahun 1957 dahulu lagi bertujuan untuk mengawal dan memelihara bangunan lama. Namun usaha tersebut tidak membawa hasil yang memberangsangkan (Shamsul Amri dan Fauzi, 2007). Pelbagai kerjasama daripada pihak bertanggungjawab seperti Badan Warisan Malaysia (BWM) yang telah ditubuhkan pada tahun 1983 telah memupuk kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan menjaga dan mengekalkan seni bina warisan ini.

### 2.1.3 Pelaksanaan kerja penyelenggaran rumah kedai lama dalam zon warisan

Bangunan bersejarah seperti bangunan rumah kedai lama adalah komponen yang penting dalam menyumbang kepada identiti sesebuah kawasan seperti yang terdapat di bangunan rumah kedai lama di Kampung Cina Kuala Terengganu. Namun arus kemajuan moden masa kini telah mendesak pelbagai seni bina moden yang menyebabkan bangunan warisan sering diabaikan. Bakhir, N. M., dan Zainal, N. (Eds.). (2015) menyatakan bahawa pembangunan moden yang begitu pesat telah mengakibatkan kebanyakkan kerja-kerja pemeliharaan dan pemuliharaan bangunan warisan terbengkalai dan dibiarkan begitu sahaja. Bangunan warisan seperti rumah kedai lama tidak akan bertahan sehingga hari ini sekiranya tiada penyelenggaraan mahupun pengurusan yang baik dilakukan. Oleh itu, sebuah penyelenggaraan bangunan warisan amat memerlukan pengurusan yang sistematik agar kerja-kerja baik pulih yang akan dijalankan adalah bersesuaian dengan keadaan bangunan warisan tersebut.


Sesebuah penyelenggaraan yang baik akan membantu bangunan warisan bertahan sehingga hari ini dan hari yang akan datang. Bangunan warisan akan melengkapkan sesebuah alam binaan Orbasli (2005). Bangunan rumah kedai lama mempunyai nilai sejarah yang menjadi bukti yang kukuh tentang sesuatu peristiwa yang berlaku di bangunan rumah kedai lama Kampung Cina Kuala Terengganu sekiranya ia mempunyai proses penyelenggaraan yang baik. Selain itu, ia juga akan menjadi sumber rujukan buat generasi hari ini untuk mengetahui perkembangan pembangunan yang terdapat di Kampung Cina Kuala Terengganu. Seterusnya, pengaruh seni bina yang terdapat di bangunan rumah kedai lama

Kampung Cina Kuala Terengganu adalah bukti bahawa wujudnya sejarah yang berkaitan dengan seni bina daripada China. Oleh itu, perkampungan disini telah mewujudkan sebuah identiti yang menunjukkan bahawa Kuala Terengganu telah didatangi oleh masyarakat Cina yang membawa pengaruh mereka ke sini.

## 2.2 Kerangka teori

Kerangka teori adalah semakan atas teori sedia yang berfungsi sebagai peta jalan untuk membangunkan hujah yang akan pengkaji gunakan dalam penyelidikan. Teori dibangunkan oleh penyelidik untuk menerangkan fenomena, membuat kaitan, dan membuat ramalan. Dalam rangka kerja teori, pengkaji menerangkan teori sedia ada yang menyokong penyelidikan pengkaji dan menunjukkan bahawa kajian yang dijalankan adalah relevan dan berasaskan idea yang mantap. Dalam erti kata lain, rangka kerja teori pengkaji akan membenarkan dan mengontekstualisasikan penyelidikan pengkaji dan ia merupakan langkah pertama yang penting untuk kertas penyelidikan atau tesis. Rangka kerja teori yang lengkap dapat membantu pengkaji untuk berjaya di kemudian hari dalam proses penyelidikan dan penulisan.

### 2.2.1 Teori Pihak Berkepentingan



Rajah 2.2.1 : Kerangka Teori Pihak Berkepentingan

Sumber: Adaptasi Teori Freeman(1984)

Freeman (1984) mencadangkan bahawa pengurusan menggunakan perbendaharaan kata berdasarkan konsep “stakeholder” . Freeman telah mendefinisikan pihak berkepentingan sebagai “mana-mana kumpulan atau individu yang boleh menjelaskan atau terjejas oleh pencapaian objektif organisasi. Dari persepektif pihak berkepentingan, perniagaan boleh difahami sebagai satu set hubungan antara kumpulan yang mempunyai kepentingan dalam aktiviti yang membentuk perniagaan. Namun , perspektif pihak berkepentingan ini telah meluas digunakan dalam pelbagai disiplin, termasuklah undang-undang, penjagaan kesihatan, pentadbiran awam, dasar alam sekitar dan etika. Dengan adaptasi teori Freeman(1984) ini , pengkaji telah memilih empat perspektif yang berkaitan dengan kajian iaitu komuniti, organisasi awam, organisasi swasta dan pengguna. Melalui gabungan empat perspektif ini , mereka dapat mencapai manfaat bersama terhadap tanggungjawab sosial, pembuat keputusan, hak samarata atau hak kerjasama dan faedah atau manfaat bersama. Teori ini dipilih kerana ia adalah bertepatan dan berkait dengan kajian yang dijalankan.

### 2.3 Penutup

Bahagian ini telah membantu pengkaji dalam memahami kajian yang dilakukan dengan fakta-fakta daripada sorotan kajian lepas yang menyokong hujah pengkaji. Pengkaji dapat memahami bahawa pentingnya sesebuah bangunan warisan seperti bangunan rumah kedai lama yang terdapat di Kampung Cina Kuala Terengganu. Melalui kajian yang terdahulu yang berkaitan dengan bangunan warisan, pengkaji juga dapat menghubung kaitankan sebuah pengurusan warisan dan bangunan warisan.



## BAB TIGA

### METODOLOGI

#### 3.0 Pengenalan

Bahagian ini menerangkan metodologi kajian. Metodologi dalam bahagian ini menerangkan strategi yang menyeluruh dan rasional kajian ini dijalankan. Ia melibatkan kaedah yang digunakan dalam bagi membantu pengkaji dalam memperoleh data yang menyokong fakta daripada kajian ini termasuk teori atau prinsip di belakangnya untuk mencapai objektif kajian pengkaji. Metodologi kajian juga mewajarkan pilihan reka bentuk, dengan menunjukkan bahawa kaedah dan teknik yang dipilih adalah paling sesuai untuk tujuan penyelidikan, objektif dan persoalan kajian dapat dicapai. Selain itu, metodologi kajian bertujuan untuk pengumpulan keputusan praktikal mengenai data yang akan pengkaji kumpulkan, daripada siapa, cara pengkaji mengumpulkan dan cara pengkaji menganalisisnya. Reka bentuk penyelidikan pula lebih kepada strategi keseluruhan yang akan pengkaji gunakan kajiannya. Secara umumnya, metodologi akan membantu pengkaji dalam mendapatkan huraian yang lebih mendalam dan terperinci dan seterusnya menjawab segala persoalan kajian dan juga objektif kajian.

#### 3.1 Pendekatan kajian

Pendekatan kajian yang digunakan oleh pengkaji ialah kajian kes. Pengkaji telah memilih pendekatan ini untuk memperoleh lebih banyak data dan pengetahuan bagi menyiapkan kajian ini. Kaedah kajian kes kerana ia berupaya membantu menyokong kajian ini dengan lebih mendalam dan terperinci. Pihak bertanggungjawab dalam pengurusan bangunan rumah kedai lama adalah antara pihak yang penting dalam memberi maklumat tentang kajian ini. Antara pertanyaannya adalah berkenaan dengan pengurusan

bangunan rumah kedai lama tersebut, cara pemuliharaan dan pemeliharaan dilaksanakan serta perancangan pihak berkepentingan dalam memastikan bangunan rumah kedai lama ini terjaga di masa akan datang.

Dalam kajian ini, pengkaji akan berusaha sedaya upaya untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan pengurusan bangunan rumah kedai lama yang terdapat di Kampung Cina Kuala Terengganu. Maklumat diperolehi daripada pihak yang mengendalikan pengurusan bangunan rumah kedai lama tersebut. Pengkaji menanyakan soalan berkenaan pengurusan bangunan rumah kedai lama yang terdapat di Kampung Cina Kuala Terengganu seterusnya kriteria-kriteria yang diperuntukkan dalam penamaikan mahupun penyelenggaran bangunan rumah kedai lama tersebut. Pengkaji juga memastikan maklumat yang diperoleh adalah bertepatan dengan kehendak kajian. Justeru, pendekatan yang digunakan ini menggunakan pendekatan kajian kes yang sedikit berbeza kerana kaedah yang tertentu digunakan untuk mendapatkan maklumat.

### **3.2 Reka bentuk kajian**

Reka bentuk kajian adalah salah satu cara untuk membantu pengkaji dalam menyelesaikan masalah kajian yang dirumus secara jelas dengan struktur konseptual dalam penyelidikan. Reka bentuk dapat membantu proses penyelidikan yang dijalankan dengan lebih efisien dan sistematik. Selain itu, reka bentuk kajian ini juga berfungsi untuk pengumpulan bukti yang berkaitan dengan penyelidikan dengan kadar yang minimum. Menurut Kerlinger (1970) reka bentuk kajian adalah sebuah cara untuk mengolah data yang diperolehi dengan sebuah perancangan yang khusus dan sistematik kepada proses yang terlibat dalam kajian. Oleh itu, reka bentuk kajian adalah diperlukan untuk memudahkan pelbagai proses penyelidikan dapat dihasilkan dengan mudah dan tepat.

Reka bentuk kajian yang telah dipilih oleh pengkaji adalah reka bentuk kajian Kualitatif. Kajian kes adalah satu bentuk analisis kualitatif yang sangat popular dan

melibatkan pemerhatian yang teliti dan lengkap terhadap sesebuah penyelidikan. Oleh yang demikian, pengkajian telah menggunakan kaedah kualitatif iaitu melalui pemerhatian dan temubual. Pemerhatian yang akan dijalankan ialah di kawasan sekitar Kampung Cina Kuala Terengganu. Pemerhatian ini akan memperlihatkan kepada pengkaji tentang perkembangan Kampung tersebut dengan membuat perbandingan sejarah masa lalu. Pengkaji juga ingin melihat sendiri budaya dan kegiatan yang dilakukan oleh masyarakat yang tinggal di Kampung ini. Selain itu, proses temubual pula akan dijalankan bersama dengan pihak bertanggungjawab yang menguruskan bangunan rumah kedai lama di Kampung Cina Kuala Terengganu ini.

### 3.3 Unit Analisis

Unit analisis adalah bahagian penting dalam projek penyelidikan. Ia adalah perkara utama yang dilihat oleh pengkaji dalam penyelidikannya. Unit analisis ialah perkara yang pengkaji ingin bincangkan dan perkara yang dianggap sebagai penekanan utama penyelidikan. Pengkaji bercadang untuk mengulas topik atau objek utama dalam penyelidikan sebagai satu unit analisis. Persoalan kajian memainkan peranan penting dalam menentukannya. "siapa" atau "apa" yang penyelidik berminat untuk menyelidiki. Moody, White, dan Douglas (2003) mengatakan bahawa organisasi sosial adalah hierarki. Hasmath, Hildebrandt, dan Hsu (2016) mengatakan bahawa organisasi sosial boleh mengambil bentuk yang berbeza. Dalam kajian ini, pengkaji telah menfokuskan peranan pihak bertanggungjawab yang menguruskan bangunan warisan yang terdapat di Kampung Cina Kuala Terengganu. Kampung Cina Kuala Terengganu telah menjadi pilihan pengkaji kerana sejarah perkembangannya yang unik dan menarik. Bangunan rumah kedai lama yang terdapat di Kampung Cina Kuala Terengganu ini telahpun berusia beratus tahun namun perkampungan tersebut masih bertahan hingga kini. Sejarah

perkembangan awal membuktikan bahawa perkampungan tersebut wujud apabila datangnya pedagang cina ke tanah Melayu suatu ketika dahulu.

Pengkaji telah memilih Kampung Cina Kuala Terengganu sebagai unit analisis. Tempat ini dipilih adalah kerana Kampung Cina Kuala Terengganu merupakan salah sebuah kampung yang menarik hati pengkaji semenjak kecil lagi. Pengkaji sering berkunjung ke sini bersama keluarga dan ia telah menggamit memori pengkaji terhadap Kampung Cina Kuala Terengganu. Pihak yang bertanggungjawab yang akan membantu pengkaji dalam mendapatkan maklumat ialah pihak Majlis Bandaraya Kuala Terengganu.

### **3.4 Kaedah kajian**

Menurut (Iman, 2016) penghasilan sesuatu penyelidikan memerlukan langkah yang perlu diambil kira untuk mencapai objektif kajian sebagai kaedah kajian. Kaedah ini merupakan salah satu kaedah melaksanakan kajian seperti menemu ramah, mendapatkan rujukan buku, rujukan laman sesawang dan sebagainya. Pengkaji dapat memperoleh maklumat yang dikehendaki tentang kaitan pihak pengurusan warisan yang bertanggungjawab serta hubungannya terhadap bangunan warisan seperti bangunan rumah kedai lama.

#### **3.4.1 Kaedah Temu bual**

Kaedah kualitatif melibatkan pengumpulan dan menganalisis data bukan berangka misalnya seperti teks, video dan audio untuk memahami konsep, pendapat atau pengalaman. Ia boleh digunakan untuk mengumpul pandangan yang mendalam tentang masalah atau menjana idea baharu untuk penyelidikan.


Kaedah kualitatif adalah bertentangan dengan kaedah kuantitatif yang melibatkan pengumpulan dan menganalisis data berangka untuk analisis statistik. Kaedah ini termasuk teori asas, etnografi, penyelidikan tindakan, penyelidikan fenomenologi

dan penyelidikan naratif. Dalam kaedah ini ,mereka berkongsi beberapa persamaan tetapi menekankan matlamat dan perspektif yang berbeza. (Basri, 2012) menyatakan bahawa kajian kualitaif merupakan reka bentuk yang tidak menetapkan secara khusus kehendak kajian pada awal kajian dijalankan secara ringkasnya. Justeru, pengkaji telah memilih kaedah ini kerana ia dilihat bersesuai untuk digunakan dalam kajian yang dijalankan.

### **3.4.2 Kaedah Pemerhatian**

Dalam metodologi kajian, pemerhatian ialah teknik pengumpulan data yang melibatkan pengumpulan maklumat dengan memerhati dan merekod secara langsung tingkah laku, tindakan, atau fenomena yang diminati. Pemerhatian boleh sama ada kualitatif atau kuantitatif, dan ia memberikan pandangan yang berharga tentang situasi dunia sebenar dan tingkah laku manusia. Pengkaji telah memilih kaedah pemerhatian untuk mendapatkan pemahaman yang komprehensif tentang persoalan penyelidikan yang kompleks dan menyumbang kepada penemuan penyelidikan yang teliti dan berasaskan bukti. Permerhatian akan dibuat di dua lokasi berbeza iaitu di Kampung Cina Kuala Terengganu dan Kampung Budaya Terengganu.

### 3.5 Teknik pengumpulan data



Rajah 3.1 : Teknik Pengumpulan data

Sumber: Laman sesawang google 2023

Rajah 3.1 merupakan teknik pengumpulan data. Teknik pengumpulan data merupakan salah satu elemen yang penting dalam sesebuah kajian. Teknik pengumpulan data akan menjadi sebagai panduan kepada sesebuah kajian untuk mencapai kehendak penyelidikan seterusnya menjawab segala objektif kajian. Teknik ini melibatkan dua sumber utama yang terdiri daripada data primer dan data sekunder.

#### 3.5.1 Data primer

Data primer adalah data yang telah didapati oleh penyelidik sendiri seperti tinjauan, temu bual, eksperimen untuk memahami dan menyelesaikan masalah kajian yang dihadapi. Dalam erti kata lain data primer merupakan data yang diperolehi secara langsung. Ini bermakna pengkaji akan menjalankan sendiri penyelidikan atau mendapatkan data untuk dikumpul bagi tujuan penyelidikan.

Jenis data ini amat relevan kerana data yang dikumpul perlu khusus kepada konteks.

Data primer yang terlibat dalam melengkapkan kajian yang dijalankan ini ialah temubual dan pemerhatian. Data ini dilihat sebagai sesuatu yang relevan untuk pengkaji kerana melalui kaedah pemerhatian dan temu bual, pengkaji dapat mendapatkan maklumat yang lebih jelas untuk dikaitkan dengan kajian yang telah dijalankan.

**a) Temu bual**

Pengkaji telah memilih kaedah temu bual sebagai salah satu cara untuk mendapatkan maklumat. Kaedah ini digunakan bagi mendapatkan maklumat yang tepat dan jelas daripada pihak yang akan ditemu bual iaitu pegawai daripada Majlis Bandaraya Kuala Terengganu. Pihak ini dipilih kerana mereka merupakan salah satu organisasi yang bertanggungjawab dalam pengurusan bangunan rumah kedai lama di Kampung Cina Kuala Terengganu. Pengkaji akan berusaha untuk memberikan komitmen dan tempoh temu bual dijalankan agar kesahihan maklumat yang didapati dapat dicatat dengan baik.

**b) Pemerhatian**

Pemerhatian dijalankan secara saksama, dengan hanya memerhati keadaan sekitar dan mengambil nota yang teratur. Dalam kaedah ini, tiada interaksi langsung antara pengkaji dan subjek. Kaedah ini menghilangkan kecenderungan yang berpotensi yang mungkin dihadapi semasa temu bual atau tinjauan kerana pertemuan yang diperhatikan adalah tindak balas yang tulen. Kaedah pemerhatian merupakan salah satu cara yang dapat membantu pengkaji untuk melihat sendiri bagaimana keadaan bangunan rumah kedai lama yang terdapat di Kampung Cina Kuala Terengganu dengan membuat perbandingan sejarah perkembangan

Kampung Cina Kuala Terengganu yang telah dikaji. Melalui pemerhatian, pengkaji akan melihat keadaan bangunan rumah kedai lama, meninjau kawasan sekitar dan melihat sendiri keadaan mahupun struktur bangunan yang terdapat di bangunan rumah kedai lama Kampung Cina Kuala Terengganu.

### 3.5.2 Data Sekunder

Data sekunder ialah kaedah penyelidikan yang melibatkan penggunaan data sedia ada. Data sedia akan diringkaskan dan disusun untuk meningkatkan keberkesanan keseluruhan penyelidikan. Salah satu kelebihan utama data sekunder ialah ia membolehkan kita mendapatkan pandangan dan membuat kesimpulan tanpa perlu mengumpul data baharu sendiri. Ini boleh menjimatkan masa dan sumber dan juga membolehkan kita membina pengetahuan dan kepakaran sedia ada.

Apabila menggunakan kaedah data sekunder adalah penting untuk pengkaji meneliti dan memahami dalam dapatan yang diperoleh. Ini bermakna memilih sumber dengan teliti dan memastikan bahawa data yang pengkaji analisa boleh dipercayai dan berkaitan dengan persoalan kajian. Ia juga bermakna pengkaji perlulah bersikap kritis dan analitikal dalam analisis dan mengiktiraf sebarang potensi atau batasan dalam data. Penyelidikan sekunder jauh lebih menjimatkan kos daripada penyelidikan primer kerana ia menggunakan data sedia ada dan tidak seperti penyelidikan primer di mana data dikumpul secara langsung oleh organisasi atau perniagaan atau mereka boleh menggunakan pihak ketiga untuk mengumpul data bagi pihak mereka.

**a) Internet**

Salah satu cara yang paling popular untuk mengumpul data sekunder ialah internet. Data tersedia di internet dan boleh dimuat turun dengan mengklik butang. Data ini boleh dikatakan percuma tanpa kos, atau seseorang mungkin perlu membayar jumlah yang boleh diabaikan untuk memuat turun data yang sedia ada. Internet mempunyai banyak maklumat yang boleh digunakan untuk memenuhi keperluan penyelidikan. Walau bagaimanapun, pengkaji perlu mempertimbangkan hanya laman web yang sahih dan dipercayai untuk mengumpul maklumat.

**b) Majalah atas talian**

Terdapat beberapa majalah yang membicarakan warisan dan bangunan warisan dalam Malaysia. Data-data yang terdapat dalam majalah merupakan salah satu data yang amat penting kerana pengkaji dapat membandingkan data yang diperoleh dengan kesahihan fakta. Data melalui majalah akan membantu pengkaji memahami kajian ini dengan fokus tertentu pada topik yang terdapat dalam majalah

**c) Akhbar atas talian**

Surat khabar atas talian merupakan salah satu cara untuk pengkaji mendapatkan data. Melalui akhbar atas talian, pengkaji dapat mengetahui isu-isu semasa yang berlaku dalam kawasan yang telah dikaji. Pengkaji juga dapat membuat kesinambungan isu yang berlaku kini dengan kajian yang dilakukan. Melalui akbar juga, pengkaji dapat mengetahui sumbangan pihak bertanggungjawab mengikut peredaran zaman.

**d) Buku**

Buku adalah elemen yang penting dalam mendapatkan data. Pengkaji mendapatkan buku-buku yang berkaitan dengan kajian di Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan kampus Bachok. Terdapat beberapa buku yang terdapat di perpustakaan ini mengandungi data-data yang berkaitan dengan penyelidikan oleh pengkaji. Oleh itu, melalui pembacaan dari buku-buku ini, ia dapat membantu pengkaji dalam lebih memahami konteks kajian yang dilakukan.

**e) Jurnal**

Jurnal adalah satu-satu elemen yang membantu pengkaji dalam mendapatkan data. Banyak jurnal yang mengandungi fokus kepada bangunan warisan telahpun membantu pengkaji sebagai salah satu sumber rujukan dalam kajian ini.

**f) E-book**

E-book merupakan buku online yang ditulis dan dimuatnaik dalam laman sesawang secara atas talian. Banyak penulis telah mendigitalkan buku mereka agar mudah diakses oleh orang ramai. Cara ini lebih efisien dan menjimatkan masa kerana pengkaji tidak perlu membuang masa mencari bahan yang dikehendaki di perpustakaan maupun kedai-kedai buku.

**3.6 Pensampelan data**

Pensampelan data ialah teknik yang digunakan untuk memilih, memproses dan menganalisis subjek yang mewakili populasi. Ia juga digunakan untuk mengenal pasti corak dan mengekstrapolasikan arah aliran dalam populasi keseluruhan. Pengkaji telah memilih pensampelan tidak berkeberangkalian dengan menggunakan teknik SnowBall bagi mendapatkan data. Fokus kajian ini adalah untuk mencari seberapa banyak data yang akan didapati melalui responden yang akan ditemui bual oleh pengkaji bagi mendapatkan

data untuk menyiapkan projek penyelidikan ini. Pengaplikasian teknik SnowBall ini akan melibatkan data yang diperoleh daripada responden untuk menguatkan lagi maklumat ataupun data yang diperoleh pengkaji. Justeru itu, dengan menggunakan teknik ini pengkaji berharap agar responden yang akan di temu bual dapat memberikan input yang berguna serta maklumat yang jelas dan tepat. Pengkaji telah memilih persampelan ini bagi tujuan temu ramah yang akan dijalankan bersama pihak yang bertanggungjawab dalam pengurusan bangunan rumah kedai lama yang terdapat di Kampung Cina Kuala Terengganu. Pihak Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT) sebagai *key person* kepada responden yang lain. Pengkaji akan berhenti mendapatkan data dari responden apabila data sudah tepu iaitu data telah menjawab segala persoalan dan telah mencapai tema yang sama.

### 3.7 Analisis data



Rajah 3.7 : Fasa Analisis Tematik

Sumber : Braun & Clarke (2006)

Rajah 3.7 merupakan fasa analisis tematik. Proses ini bermula apabila pengkaji mula melihat dan mencari corak makna dan isu yang berpotensi membantu semasa pengumpulan data. Terdapat enam fasa yang perlu dilalui oleh pengkaji dalam fasa analisis tematik. Fasa pertama ialah membiasakan diri dengan data yang diperoleh pengkaji semasa membuat penyelidikan ini. Dalam fasa ini, pengkaji perlu memahami data-data yang diperoleh dan membuat analisis tentang gambaran keseluruhan kajian kerana hal ini dapat membantu pengkaji dalam mencari idea semasa membuat kajian.

Fasa yang kedua ialah menjana kod awal. Setelah membiasakan diri dengan data, pengkaji bole menghasilkan senarai awal idea tentang perkara yang terdapat dalam data dan perkara yang menarik mengenai kajian. Fasa ini akan melibatkan penghasilan kod awal daripada data dimana pengkaji perlu mengenal pasti ciri data (kandungan semantik atau terpendam) yang kelihatan menarik kepada pengkaji dan merujuk kepada 'segmen atau elemen paling asas iaitu data mentah atau maklumat yang boleh dinilai dengan cara yang bermakna berkenaan penelitian kajian yang telah dibuat Boyatzis(1998).

Seterusnya, fasa tiga pula bermula apabila semua data yang pada mulanya telah dikodkan dan disusun. Pengkaji mempunyai senarai panjang kod berbeza yang telah di kenal pasti merentas set data. Fasa ini akan memfokuskan semula analisis pada peringkat tema yang lebih luas, bukannya kod, melibatkan pengisihan kod yang berbeza ke dalam tema yang berpotensi dan mengumpulkan semua ekstrak data berkod yang berkaitan dalam tema yang dikenal pasti. Pada asasnya, pengkaji mula menganalisis kod dan mempertimbangkan cara kod yang berbeza boleh bergabung untuk membentuk tema menyeluruh.

Fasa keempat pula bermula apabila pengkaji telah mencipta satu set tema dan ia melibatkan pemurnian tema tersebut. Semasa fasa ini, ia akan menjadi jelas bahawa sesetengah tema bukanlah tema sebenarnya. Sebagai contoh, jika tidak ada data yang

mencukupi untuk menyokongnya atau data terlalu pelbagai. Disamping itu data yang lain mungkin runtuh antara satu sama lain. Sebagai contoh, kedua nampaknya berasingan tema mungkin membentuk satu tema. Tema lain mungkin perlu dipecahkan kepada tema yang berasingan. Patton (1990) untuk dua kriteria menilai kategori homogeniti dalam dan heterogeniti luaran patut dipertimbangkan. Data dalam tema harus bersatu secara bermakna manakala perbezaan yang jelas terhadap tema pula perlu ada.

Selain itu, fasa kelima akan bermula apabila pengkaji sudah mempunyai tematik yang memuaskan. Pengkaji akan mentakrifkan dan memperhalusi lagi tema yang akan pengkaji bentangkan untuk analisis data. Takrifan dan memperhalusi lagi tema bermaksud pengkaji akan mengenal intipati atau perkara yang ditunjukkan dalam setiap tema. Pengkaji akan menyusun semula data yang diperoleh secara berterusan dan sistematis.

Fasa yang terakhir iaitu fasa enam adalah untuk menghasilkan laporan. Fasa enam bermula apabila pengkaji mempunyai satu set tema yang boleh diolah sepenuhnya dan melibatkan analisis akhir dan penulisan laporan. Tugas penulisan analisis tematik sama ada untuk penerbitan atau untuk tugas penyelidikan adalah untuk menceritakan kisah rumit data anda dengan cara yang meyakinkan pembaca tentang kesahihan data yang pengkaji. analisis.

### 3.8 Penutup

Kesimpulannya, bahagian ini akan menerangkan metodologi penyelidikan yang merupakan satu cara untuk menerangkan bagaimana seseorang penyelidik berhasrat untuk menjalankan penyelidikan mereka. Ia adalah rancangan yang logik dan sistematik untuk menyelesaikan masalah penyelidikan. Metodologi memperincikan pendekatan penyelidik terhadap penyelidikan untuk memastikan keputusan yang boleh dipercayai dan sah yang menangani matlamat dan objektif mereka. Ia merangkumi data yang akan mereka kumpulkan dan dari mana, serta cara data itu dikumpulkan dan dianalisis.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB EMPAT

### DAPATAN KAJIAN

#### 4.0 Pengenalan

Bahagian ini akan menerangkan hasil dapatan kajian yang diperoleh pengkaji semasa menjalankan temu bual bersama informan terpilih bagi menjawab persoalan kajian pengkaji. Pengkaji telah mendapatkan data daripada beberapa pihak berkepentingan yang merupakan antara pihak yang bertanggungjawab dalam pengurusan Kampung Cina dan Kampung Budaya Terengganu. Lokasi yang dipilih ini adalah dua lokasi yang berbeza. Justeru pihak yang menguruskan bangunan warisan di lokasi yang dipilih adalah pihak yang berbeza. Organisasi swasta adalah pihak yang mempunyai peranan yang ketara dalam pengurusan di Kampung Cina manakala di Kampung Budaya pihak yang lebih memainkan peranan dalam pengurusan lokasi tersebut adalah organisasi kerajaan. Di samping itu, dua lokasi ini merupakan perkampungan warisan yang terdapat di Terengganu dan sangat terkenal sebagai satu daya tarikan yang terdapat di negeri itu. Kampung Cina sudah pun lama bertapak di Terengganu manakala Kampung Budaya merupakan sebuah perkampungan yang baru dibuka beberapa tahun lalu. Oleh itu, pengkaji dapat membuat perbezaan terhadap dua lokasi kajian yang dipilih bagi mengkaji pihak berkepentingan dalam pengurusan warisan. Beberapa informan telah dipilih dan banyak membantu pengkaji dalam memberi kefahaman serta menjawab persoalan yang dikemukakan oleh pengkaji sewaktu temu bual dijalankan.

#### **4.1 Penglibatan pihak yang berkepentingan dalam pengurusan bangunan rumah kedai lama di Kampung Cina Kuala Terengganu dan Kampung Budaya Terengganu**

Teori pihak berkepentingan menurut Freeman (1984) beliau berpendapat bahawa pihak berkepentingan sesebuah syarikat ataupun organisasi merangkumi hampir semua orang yang terjejas oleh syarikat dengan kerjayanya. Walau bagaimanapun, pandangan ini mendapat tentangan daripada Milton Friedman yang berpendapat bahawa teori pemegang saham lama yang dicadangkan oleh ahli ekonomi Milton Friedman bahawa dalam kapitalisme, satu-satunya pihak berkepentingan yang harus dititikberatkan oleh syarikat adalah pemegang sahamnya. Freeman berpendapat bahawa syarikat-syarikat terpaksa membuat keuntungan, untuk memuaskan pemegang saham mereka, dan untuk meneruskan pertumbuhan positif. Sebaliknya, Freeman mencadangkan bahawa pihak berkepentingan syarikat adalah "kumpulan-kumpulan tanpa sokongan yang organisasi itu akan berhenti wujud." Kumpulan ini akan merangkumi pelanggan, pekerja, pembekal, kumpulan tindakan politik, kumpulan alam sekitar, komuniti tempatan, media, institusi kewangan, kumpulan kerajaan, dan banyak lagi. Pandangan ini menggambarkan persekitaran korporat sebagai ekosistem kumpulan berkaitan, yang semuanya perlu dipertimbangkan dan berpuas hati untuk memastikan syarikat itu sihat dan berjaya (Simon, 2016).

Pengkaji telah memilih dua lokasi yang berbeza dalam kajian ini adalah untuk melakukan perbandingan terhadap pihak berkepentingan kepada Kampung Cina Kuala Terengganu yang sudah lama bertapak di Terengganu manakala Kampung Budaya pula baru bertapak di Terengganu beberapa tahun lalu. Justeru hasil dapatan kajian telah mendapati bahawa terdapat sedikit perbezaan tentang penglibatan pihak berkepentingan di Kampung Cina dan Kampung Budaya Terengganu. Jadual di bawah menunjukkan

bahawa di Kampung Cina, organisasi swasta lebih memainkan peranan dalam penglibatan pihak berkepentingan manakala di Kampung Budaya pula, organisasi kerajaan yang lebih memainkan peranan mereka dalam pengurusan di Kampung tersebut.

Kampung Cina Kuala Terengganu	Kampung Budaya Terengganu
MPKK	MOTAC
MBKT	MUZIUM TERENGGANU
BADAN BUKAN KERAJAAN	KERAJAAN NEGERI TERENGGANU
MASYARAKAT	JABATAN WARISAN NEGARA
PELANCONG	MASYARAKAT
	PELANCONG

**Jadual 1: Penglibatan pihak berkepentingan di Kampung Cina dan Kampung Budaya**

**Sumber: Kajian Lapangan 2023**

Jadual 1 menunjukkan penglibatan pihak berkepentingan dalam dua lokasi berbeza iaitu di Kampung Cina dan Kampung Budaya. Penglibatan di Kampung Cina adalah lebih kepada organisasi swasta dimana kebanyakannya badan bukan kerajaan(NGO) lebih banyak terlibat dalam pengurusan mereka. Pernyataan ini telah disokong oleh informan 4 yang berpendapat bahawa:

“Aa ini peranan masing masinglah.. Tak ada pun persatuan yang menjaga dan tak ada pun guideline, guideline semua dari mbkt sahaja.”

(Informan 4,19 Disember 2023,Kajian Lapangan)

Menurut informan 4, penglibatan pihak berkepentingan di Kampung Cina adalah peranan yang harus dipertanggungjawabkan oleh seseorang individu. Mereka yang mempunyai

penglibatan dalam pengurusan di Kampung Cina ini tidak mempunyai sebarang garis panduan dalam menguruskannya.

Pihak berkepentingan dalam pengurusan sesuatu bangunan warisan adalah pihak yang bertanggungjawab dalam menjaga kepentingan warisan budaya iaitu dengan memelihara identiti dan sejarah masayarakat kita. Pihak berkepentingan tidaklah terhad kepada sesebuah organisasi sahaja. Namun ia adalah tanggungjawab yang perlu dilakukan oleh semua organisasi termasuk organisasi awam, organisasi swasta, pengguna dan komuniti. Dalam kajian ini pengkaji telah memilih dua lokasi berbeza bagi mengkaji pihak berkepentingan dalam pengurusan bangunan warisan. Hal ini kerana dua lokasi ini mempunyai perbezaan yang ketara dari segi pengurusannya. Kampung Cina merupakan bangunan rumah kedai lama yang sudah lama bertapak di Kuala Terengganu manakala Kampung budaya Terengganu baru dibuka pada tahun 2021 kepada orang ramai. Melalui kajian lapangan yang dilakukan, pengkaji telah mendapati bahawa organisasi swasta iaitu badan bukan kerajaan (NGO) merupakan pihak berkepentingan buat Kampung Cina Kuala Terengganu namun berbeza dengan Kampung Budaya Terengganu yang banyak dikendalikan oleh organisasi awam.

Hasil dapatan kajian melalui dua buah Kampung yang berbeza dari segi pengurusannya telah memberi kefahaman kepada pengkaji bahawa kedua pengurusan ini telah membawa impak yang berbeza terhadap kampung tersebut. Pihak berkepentingan yang lebih memainkan peranan dalam pengurusan kampung Cina ialah organisasi swasta manakala di Kampung Budaya pula pihak kerajaan adalah organisasi yang memainkan peranan dalam pengurusan warisan. Kenyataan ini disokong oleh bersama Informan 3 dibawah:

“Kampung Budaya merupakan dibawah pengurusan jabatan pelancongan, jadi pihak yang bertanggungjawab ialah jabatan pelancongan negeri Terengganu. Oleh itu, sekiranya apa-apa perkara akan dirujuk oleh jabatan tersebut. Contohnya seperti surat-menyurat juga akan ke Jabatan Pelancongan Negeri Terengganu dan diproses ke Kampung Budaya.”

(Informan 3, 3 November 2023, Kajian Lapangan)

Pihak berkepentingan iaitu organisasi kerajaan mempunyai sop yang perlu dipenuhi dalam pengurusan yang dijalankan oleh mereka. Sebarang keputusan tidak boleh dibuat oleh satu pihak sahaja. Mereka perlu merujuk kepada pihak atasan untuk mendapatkan sesuatu kelulusan.

Jabatan Warisan Negara sendiri telah mengeluarkan garis panduan berkenaan dengan warisan. Garis panduan ini juga termasuk dengan garis panduan mengenai pemuliharaan bangunan warisan. Walau bagaimanapun, JWN juga mengambil kira Akta dan Garis Panduan Jabatan dan Agensi lain yang berkaitan dengan warisan, seperti Akta 172, Enakmen Negeri-negeri, Jabatan Perhutanan, Perhilitan, dan garis panduan PBT seperti di bawah DBKL, dan sebagainya.(Jwn 2023). Hal ini dapat dibuktikan dengan jawapan yang telah diberikan oleh Informan iaitu Cik Rabiatul bagi menjawab persoalan yang ditanya oleh pengkaji:

“Iya betul. Macam minggu depan nak buat apa-apa kan sebab kita tak ada dana tu. Dana tu memang daripada Jabatan Pelancongan. Jadi adalah dia punya education tu atau peruntukan dia untuk guna duit mana, saluran mana. Jadi maksudnya kalau kita nak buat program memang kita tak ada cash. Jadi memang kita kene angkat. Macam contoh minggu lepas kite nak buat program, kite kene

sebulan sebelum nak buat program tu kite kena ikut proses atau sop tu kene buat surat berkenaan program ni dan peruntukan dia semua dan pengarah lulus ke tak peruntukan ni. Sama ada peruntukan tu kurang dari peruntukan yang kita mintak kepe. Memang macam tu. Jadi macam proses pembayaran pun sama, kita kene sediakan semua documentation ke Jabatan Pelancongan dan Jabatan Pelancongan akan uruskan semua.”

(Informan 3, 3 November 2023, Kajian Lapangan)

#### **4.2 Mengkaji sumbangan pihak berkepentingan dalam menguruskan bangunan rumah kedai lama Kampung Cina Kuala Terengganu dan Kampung Budaya Terengganu**

Warisan adalah tradisi hidup yang merangkumi sejarah, amalan, ungkapan, nilai, tempat, mahupun objek dari masa lalu hingga sekarang yang diturunkan dari generasi ke generasi. Warisan mempunyai sebuah nilai yang sangat tinggi terutamanya terhadap sesebuah Kampung kerana ia sangat mempengaruhi sosial budaya masyarakat suatu kaum yang terdapat di kampung tersebut. Sesebuah Kampung sudah pasti mempunyai sejarah dan keunikan nilai warisan yang tersendiri. Warisan juga dianggap sebagai sumber yang tidak ternilai yang diterima dari masa lalu yang dibawa ke masa kini dan membawa ke masa depan (Ahmad, 2022). UNESCO mengiktiraf dua jenis warisan budaya iaitu ketara dan tidak ketara. Warisan ketara termasuk bukan sahaja artifak dan objek, tetapi juga tapak bersejarah atau arkeologi, struktur binaan, monumen, kubur, dan landskap budaya. Warisan budaya tidak ketara, sebaliknya, dirujuk sebagai ciri-ciri, amalan, perwakilan, ungkapan bukan fizikal serta pengetahuan dan kemahiran yang mengenal pasti dan menentukan kumpulan atau tamadun (UNESCO, 2010). Justeru warisan amat penting untuk dipelihara dan dipulihara kerana sumbangannya amat besar dalam

pembentukan nilai kemasyarakatan. Penglibatan pihak berkepentingan dilihat sebagai sebuah perkara yang perlu dititikberatkan dalam penjagaan warisan ini.

Freeman (1984) telah berpendapat bahawa pihak-pihak berkepentingan dalam suatu organisasi atau perusahaan merangkumi semua individu atau kelompok yang dapat dipengaruhi oleh atau memiliki kesan terhadap keputusan mahupun tindakan dalam organisasi tersebut. Teori pihak berkepentingan yang telah dipilih oleh pengkaji adalah bertepatan dengan kajian pengkaji kerana ia sangat berkait dengan dapatan kajian yang telah diperoleh di mana melalui teori yang dipilih, terdapat banyak manfaat yang kita peroleh. Adaptasi daripada teori pihak berkepentingan yang telah dicadangkan oleh Freeman, beliau berpendapat bahawa teori pihak berkepentingan menawarkan beberapa faedah kepada organisasi dan pihak berkepentingan di mana organisasi awam, seperti agensi kerajaan dan badan kawal selia, mendapat manfaat daripada perniagaan berorientasikan pihak berkepentingan melalui peningkatan pematuhan undang-undang dan peraturan, serta penglibatan proaktif dalam inisiatif yang memenuhi kepentingan awam. Kerjasama ini memupuk hubungan yang lebih harmoni antara sektor awam dan swasta, yang membawa kepada hasil yang lebih baik untuk masyarakat secara keseluruhan. Dengan penggunaan teori pihak berkepentingan ini, pengkaji dapat menghubungkaitkan dapatan kajian yang diperoleh dengan teori yang telah dicadangkan ini. Antara manfaat yang telah diperoleh Kampung Cina dan Kampung Budaya dalam pengurusan warisan adalah seperti berikut:

#### **4.2.1 Sumbangan Kampung Cina dan Kampung Budaya sebagai Kampung Warisan dalam memartabatkan warisan di Terengganu.**

Hasil pemerhatian, pengkaji telah mendapati bahawa kedua lokasi ini telah memberi sumbangan yang berbeza dalam pengurusan warisan namun impaknya amat besar dalam usaha memartabatkan seni dan juga warisan yang terdapat di negeri Terengganu. Kampung Cina Kuala Terengganu merupakan salah sebuah destinasi pelancongan yang sangat menarik di Terengganu. Selain tempatnya yang strategik, Kampung Cina merupakan sebuah perkampungan yang sudah lama berada di Terengganu.



Gambar 4.1: Lorong antara bangunan yang terdapat di Kampung Cina

Sumber: Kajian Lapangan 2023

Gambar di atas menunjukkan lorong berpayung yang terdapat di Kampung Cina Kuala Terengganu. Lorong ini dihiasi dengan payung-payung terbuka berwarna warni. Hasil pemerhatian pengkaji mendapati bahawa terdapat juga beberapa tempat duduk yang terdapat di kawasan ini. Lorong ini mempunyai daya tarikan kepada pengunjung yang datang kerana sudah pasti setiap pengunjung yang datang tidak melepaskan peluang untuk bergambar disini.



Gambar 4.2: Lorong Penyu antara bangunan yang terdapat di Kampung

Cina

Sumber: Kajian Lapangan 2023

Gambar di atas merupakan salah sebuah lorong yang terdapat di antara bangunan yang terdapat di Kampung Cina. Lorong tersebut dinamakan sebagai lorong penyu kerana terdapat banyak ukiran dan mural penyu dilukis di situ. Terdapat juga banyak info mahupun maklumat yang terdapat lorong ini. Banyak juga info yang berkaitan sejarah-sejarah dipaparkan disini (*Pesona Terengganu / Lorong Seni Di Kampung Cina*, 2015).



Gambar 4.3: Lorong yang terdapat di Kampung Cina Terengganu

Sumber: Kajian Lapangan 2023

Terdapat banyak lorong-lorong di antara bangunan yang terdapat di Kampung Cina. Lorong- lorong ini dipenuhi dengan mural mural yang indah dan menjadi daya tarikan buat pengunjung yang datang ke Kampung Cina. Lorong-lorong Mural ini mempunyai nama nama yang berbeza. Antara lorong yang terdapat disini ialah Lorong Mesra Alam, Lorong Warisan Dunia, Lorong Tau Kay Wee Sin Hee dan Lorong Kenangan Payang. Terdapat juga lorong-lorong yang memaparkan sejarah yang terdapat di Kampung Cina (Ain, 2018). Oleh itu, setiap pengunjung yang datang ke Kampung Cina dapat mengetahui serba sedikit tentang sejarah yang terdapat di situ. Menurut seorang informan yang telah ditemu bual iaitu Puan Eelin Fo, beliau berkata bahawa lorong-lorong yang dilihat indah dengan contengan mural dan hiasan hiasan yang terdapat di situ merupakan inisiatif pihak berkepentingan dalam menaikkan lagi nama Kampung Cina di Terengganu.

“..Aa kita masing-masing sendiri.. Kita ada kawan kawan dato banyak tolong. Saya seorang dengan seorang lagi lawrence .. kita dulu di inisiatif oleh Yb ex expo kuala terengganu YB datuk tok lah dan lepastu kita masing masing buat sendirilah dan kita jaga sendiri. Sekarang one of the main sponsor by kasut you.. Masing masing kita jaga sendiri dan lain lain tak adalah.. Tak ada maintenance.. Sebab kita buat atas inisiatif sendiri sebenarnya.. All the mirror painting apa apa.. (Informan 4, 19 Disember 2023, Kajian Lapangan)

Menurut informan 4, mural-mural yang terdapat di lorong-lorong antara bangunan yang terdapat di Kampung Cina itu merupakan salah satu inisiatif persatuan mereka bersama beberapa lagi organisasi lain dalam mencantikkan lagi Kampung Cina serta menarik minat para pengunjung yang datang ke Kampung Cina. Usaha itu turut dibantu oleh beberapa organisasi yang memberi sumbangan dana. Namun usaha yang dilakukan mereka ini tidak mempunyai penyelenggaraan.

Seterusnya, sumbangan Kampung cina adalah melalui festival peranakan cina Kuala Terengganu. Ia merupakan sebuah acara tahunan yang wajib dilakukan di Kampung Cina. Tujuan festival ini diadakan adalah untuk mengangkat warisan dan budaya yang terdapat di Kampung tersebut. Festival ini juga telah memberi impak yang sangat luar biasa bukan sahaja untuk komuniti luar malahan orang dari luar dari negeri ini. Menurut informan Dato Low Wan Cheong, beliau merupakan salah seorang pihak berkepentingan dalam menguruskan festival peranakan cina ini.

“So for 7 years lah...peranakan festival tu memang masatu memang hebatlah.. All malaysia datang.. Okay sebablah peranakan festival baru you nampak orang even dari kl daripada melaka .. dia start gila balik aa nak pakai kebaya nak pakai ni dan beberapa banyok nye become famous again. Actually impact on peranakan festival Terengganu very high. Masatu orang dah lupa dah... orang baba pun taknak pakai eee baju tradisional dah tapi kalau ... saya ada bukti, after the peranakan the whole country become lagi excited nok pakai kebaya lah”. (Informan 1, 11 September 2023, Kajian Lapangan)

Menurut informan iaitu Dato Low Wan Cheong, festival yang dijalankan ini sangat tinggi kerana banyak budaya budaya yang telah dilupakan kini diangkat kembali dalam festival peranakan cina yang dijalankan sehingga dapat menarik kembali minat masyarakat setempat terhadap budaya yang terdapat di Terengganu. Kebanyakan budaya semakin dilupakan kini kian meningkat kembali melalui festival peranakan. Impaknya bukan sahaja kepada komuniti setempat malahan ke serata negara.

Menurut (Ahmad Sabri, 2021) Sejak penduduk Cina Peranakan Terengganu pertama kali muncul pada abad keempat belas dan kelima belas, legasi sejarah dan budaya mereka menghasilkan pelbagai ciri unik. Festival peranakan cina diadakan pada setiap tahun di Kampung Cina adalah sebuah usaha yang dijalankan bagi mengekalkan khazanah serta mengeratkan hubungan silaturahim bersama dengan golongan cina peranakan di negeri Terengganu. Festival peranakan cina yang diadakan dipenuhi dengan pelbagai aktiviti pameran serta persembahan budaya dan menunjukkan kepelbagaian budaya di Kampung Cina.

Namun begitu, sumbangan Kampung Budaya pula adalah berbeza namun kedua dua lokasi ini tetap mencapai objektif yang sama iaitu untuk menjaga dan memartabatkan warisan yang terdapat di Terengganu. Kampung Budaya Terengganu merupakan sebuah perkampungan yang mempunyai peranan dalam memartabatkan seni budaya warisan yang ada di Negeri Terengganu. Usaha membangunkan kampung budaya ini adalah untuk mengangkat martabat warisan budaya Terengganu dan memberi pendedahan kepada masyarakat tentang gaya hidup masyarakat Melayu dengan menggunakan konsep “live museum”. (Che Haron, 2021). Kampung Budaya Terengganu ditubuhkan atas dasar usaha

kerajaan Negeri dalam memartabatkan lagi warisan yang ada di Negeri berkenaan. Usaha ini dibuat setelah meneliti kembali bahawa sejarah yang ada di Terengganu. Perkampungan Budaya mempunyai pelbagai daya tarikan dibangunkan sebagai muzium hidup yang menggabungkan warisan, kesenian dan kebudayaan dari kesemua lapan daerah di Terengganu, kata Menteri Besar Datuk Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar. (Yatim, 2020)

“Orang tahu bahawa di terengganu more than 95% adalah orang melayu.tapi orang tahu terengganu ialah pendudukan majoritinya adalah orang islam orang melayu... tapi kat mana yang kita boleh lihat satu kawasan yang ada seni budaya dan warisan negeri bukan secara teori bukan secara seni nampok tapi juga seni tok napok kan .. so apa kita lihat gitu maka muzium ni kalau u tengok u kene study balik muzium tu dia diilhamkan citarasa tahun 1986.” (Informan 2, 3 November 2023, Kajian Lapangan)

Menurut pernyataan di atas, informan menjelaskan bahawa penubuhan Kampung Budaya adalah untuk mengangkat seni budaya yang terdapat di negeri Terengganu. Kampung Budaya adalah sebuah usaha dalam memartabatkan warisan dan budaya yang ada di Terengganu. Ia merupakan sebuah muzium hidup dimana setiap pengunjung yang datang ke situ dapat merasai sendiri budaya budaya yang terdapat di Terengganu bukan sahaja secara teori malahan secara praktikal. Setiap pelancong akan diberi kefahaman serta pendedahan terhadap warisan budaya yang terdapat di Terengganu.



Gambar 4.4: Pengkaji berada di rumah nelayan Kampung Budaya

Sumber: Kajian Lapangan 2023

Gambar di atas merupakan gambar pengkaji berada di rumah nelayan dimana rumah ini merupakan salah sebuah replika rumah tradisional yang terdapat di Kampung Budaya Terengganu. Hasil pemerhatian pengkaji mendapati bahawa setiap pengunjung yang datang ke sini dapat merasai sendiri pengalaman sebenar ketika berada di rumah nelayan. Uniknya di rumah ini mempunyai aktiviti mengoreng keropok menggunakan pasir. Keropok yang digoreng juga menggunakan dapur kayu. Ini adalah sebuah pengalaman baru buat mereka yang tidak pernah merasainya. Selain itu, peluang untuk merasai pengalaman seperti ini amat sukar didapati di mana mana.

“so setiap rumoh ada aktiviti-aktiviti yang mana mereka hendaklah mengadakan aktiviti disamping menerangkan rumoh tu sendiri. Contoh rumoh nelayan kita ada goreng kepok guna pasir”

(Informan 2, 3 November 2023, Kajian Lapangan)

Hasil pemerhatian pengkaji ketika berada di rumah nelayan yang terdapat di Kampung Budaya ini adalah benar seperti hujah yang telah diberikan oleh informan 3 dimana setiap rumah menyediakan pelbagai aktiviti yang membolehkan setiap pengunjung yang datang ke sini merasai sendiri pengalaman mereka ketika berkunjung ke rumah rumah berkenaan.

#### **4.3 Cabaran pihak berkepentingan dalam memastikan bangunan rumah kedai lama yang terdapat di Kampung Cina Kuala Terengganu terpelihara dan dinaiktaraf serta Kampung Budaya diurus dengan baik**

Setiap organisasi mahupun mana mana pengurusan sememangnya mempunyai cabarannya tersendiri. Tidak terlepas dari kesempurnaan bidang pengurusan warisan juga menghadapi pelbagai cabaran tersendiri. Hasil dapatan kajian, pengkaji mendapati bahawa cabaran dari segi kewangan mahupun dana merupakan cabaran terbesar terhadap pengurusan bangunan rumah kedai lama di Kampung Cina Kuala Terengganu serta Kampung Budaya Terengganu.

##### **4.3.1 Pengurusan sumber manusia**

Pengurusan sumber manusia atau *Human Resources Management* (HRM) melibatkan penyelarasan, pengurusan dan memperhatikan modal insan atau pekerja dengan cara menggerakkan matlamat organisasi ke hadapan. Pengurusan sumber manusia memberi tumpuan kepada melabur dalam pekerja, memastikan keselamatan mereka dan menguruskan semua aspek kakitangan daripada pengambilan pekerja kepada pampasan dan pembangunan. Pengurusan sumber manusia adalah menganjurkan, menyelaras, dan menguruskan pekerja semasa organisasi untuk menjalankan misi, visi, dan matlamat organisasi. Ini termasuk

merekrut, mengupah, melatih, membayar pampasan, mengekalkan, dan memotivasi pekerja (Staff, 2023)

Oleh kerana Kampung Budaya baru ditubuhkan, pengurusan sumber manusia menjadi salah satu cabaran dalam pengurusan mereka kerana setiap pekerja yang direkrut sememangnya perlu diberi latihan yang mencukupi bagi memastikan mereka faham dan mahir dalam skop tugas masing-masing. Mereka juga perlu memahami dan menghayati nilai warisan sebelum diberi tugas masing-masing kerana peranan dan tanggungjawab mereka amatlah besar dalam dunia warisan dan budaya. Menurut Cik Rabiatul, Kampung Budaya telah memberi latihan kepada setiap kakitangannya untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mereka. Mereka akan dihantar untuk menjalani beberapa kursus mengikut bidang tugas yang perlu dilakukan.

“kite ada pemerkasaan staff. Maksudnya, kita ade tiga jenis aktiviti yang kita nak tambahkan skill. Maksudnya kita ajar semua staff untuk menganyam, ukiran dan sebagainya. jadi ada skill yang semua staff kene belajar.Macam anyaman ade lima orang yang dihantar pergi kursus. Kita dihantar kursus ke kraftangan cawangan negeri Terengganu. Jadi ade lima orang yang akan pergi kursus dan balik, mase tu lucky sebab kita hantar kursus tu sebelum control order. Jadi lima orang ni balik memang kene train ajar staff. Kita dapat sijil. Contoh die ajar ukiran, pekerja kita memang ada sijil untuk skill tu. Jadi kita ni dikalangan staff ni bukan staff yang biasa-biasa tapi ada skill dia yang tersendiri.”

(Informan 3, 3 November 2023, Kajian Lapangan)

Menurut (Van Vulpen, 2023) Komunikasi adalah kemahiran yang paling kerap disebut dalam pengurusan sumber manusia. Berkomunikasi dengan berkesan adalah penting dalam pengurusan sumber manusia kerana profesional sumber adalah hubungan antara perniagaan dan pekerja, yang mewakili kedua-dua pihak. Berkomunikasi dengan pihak berkepentingan, CEO, pengurus, dan pekerja, pada tahap kuasa dan pengaruh yang berbeza, memerlukan bahasa dan nada yang berbeza. Inilah sebabnya mengapa keupayaan untuk berhubung dengan baik dengan semua jenis orang dan meninggalkan kesan profesional dan positif adalah kemahiran penting untuk profesional sumber manusia.

Justeru, sama seperti pengurusan yang terdapat di Kampung Budaya. Menurut Ahmad Fathil, mereka memerlukan seseorang kakitangan yang *multitasking* iaitu mampu membuat banyak kerja dalam satu masa.

“Dia cabaran dari segi dalaman ialah kakitangan. Kakitangan akan pergi keluar dan masuk. Sebab kat sini bukan you memerlukan seorang yang duduk dalam jabat saje, bukan seorang pakai baju cot, bukan seorang yang tidak bercakap. You kena ada sifat seni, you kena ada sifat berkawan, you kena ada sifat sayangkan budaya, you kena ada sifat suka kerja dan sebagainya.”

(Informan 2, 3 November 2023, Kajian Lapangan)

Menurut pernyataan yang diberikan, beliau berkata bahawa antara cabaran yang terdapat dalam pengurusan mereka adalah kakitangan atau pengurusan sumber manusia. Hal ini kerana kita tidak dapat menolak keluar dan masuk kakitangan dalam sesebuah syarikat. Tetapi di Kampung Budaya mereka memerlukan

kakitangan yang tidak hanya duduk di pejabat malah boleh melakukan pekerjaan di luar pejabat. Menurutnya lagi kakitangan yang mereka mahukan perlu mempunyai kemahiran interpersonal di mana seseorang yang tidak malu dan boleh bergaul dalam khalayak ramai. Pernyataan beliau dapat dibuktikan lagi dengan pernyataan yang diberikan oleh Informan 3 iaitu:

“Iyaa melalui skill, sebab kita time tu target bukanlah target tapi kita nak semua staff multitasking walaupun sorang ni takde, ade orang lain yang boleh cover jadi semua orang kene tahu semua bende. Jadi sebab tu semua staff kite multitasking. Kalau contoh orang ni takde orang ni boleh pergi sane. Macam akak sendiri boleh anyaman, just say that orang ni takde jadi akak boleh ke sane. Kalau orang gamelan tak cukup orang. Team ni boleh ke gamelan. Tapi atleast kene ada orang lah cover. Tapi waktu tu arrangement pun kene like says that orang tu takde kat checkpoint tu kite boleh rotate sesame kitorang sendiri. Backup each other lah.”

(Informan 3, 3 November 2023, Kajian Lapangan)

Menurut pernyataan yang diberikan oleh Cik Rabiatul, kakitangan mereka perlulah mempunyai pengetahuan dalam semua perkara di Kampung Budaya. Hal ini kerana mereka akan saling membantu antara satu sama lain untuk melakukan tugasannya. Justeru, pengurusan sumber manusia adalah elemen yang sangat penting dalam melahirkan tenaga kerja yang berkualiti.

#### 4.3.2 Pertukaran parti pemerintahan

Malaysia merupakan sebuah negara yang mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi. Ketua Negara Malaysia adalah raja yang dipilih oleh 9 raja dari Negeri ini. Ketua negara ini mendapat gelaran sebagai Yang Dipertuan Agung dan mempunyai tempoh jawatan selama 5 tahun. Sistem pemerintahan Malaysia diterapkan berdasarkan Westminster. Ketua eksekutif kerajaan di Malaysia diketuai oleh perdana menteri yang dipilih oleh kabinet. Perdana Menteri sendiri adalah dewan rakyat yang datang daripada kumpulan majoriti di parlimen. Sementara itu, kabinet dipilih daripada dewan rakyat atau dewan negeri. di negeri terengganu pula, menteri besar merupakan ketua kerajaan yang memerintah pada ketika itu. sebagai contoh, negeri terengganu telah diperintah oleh Dato' Seri Ahmad Samsuri Mokhtar bermula pada tahun 2018 dibawah parti parti agama seislam malaysia (PAS).

Perubahan atau pertukaran parti pemerintahan di sesebuah kawasan juga menjadi cabaran dalam usaha melestarikan perkampungan warisan di negeri Terengganu terutamanya di kampung Cina Kuala Terengganu. Kampung Cina Kuala Terengganu diuruskan oleh pihak berkepentingan seperti badan bukan kerajaan dan pihak yang memerintah negeri Terengganu pada ketika itu. Hal ini dikatakan demikian juga kerana setiap parti pemimpin yang dipilih oleh rakyat melalui proses pilihan raya akan memerintah dalam sesuatu tempoh masa. Maka segala perancangan dan manifesto yang dirancang perlu dilaksana dengan sistematik dan berkesan agar dapat disiapkan dalam tempoh masa yang ditetapkan dan mencapai objektif yang diinginkan. Namun sekiranya parti pemerintahan semasa tidak berjaya menggunakan peluang yang ada dalam tempoh

pemerintahan yang ditetapkan akan menyebabkan kerugian dan boleh menyebabkan projek tergendala.

Manakala isu pertukaran parti pemerintahan Kampung Budaya Kuala Terengganu pula tidak memberikan banyak kesan atau cabaran. Hal ini dikatakan demikian kerana Kampung Budaya Terengganu berada di bawah pengurusan pihak berkepentingan kerajaan persekutuan seperti Jabatan Pelancongan Malaysia. Sebagainya contoh, sekiranya berlaku sebarang permasalahan dan pertukaran maka ianya bukan dibawah bidang kuasa kerajaan negeri dan begitu juga berkaitan dengan isu peruntukkan dan sebagainya. Pernyataan ini disokong oleh Informan 3 yang berkata bahawa:

“Kita dibawah Kerajaan negeri jadi bende tu tak banyak terkesan lah sebab kita dibawah government kan jadi apa-apa dibawah jabatan perlancangan. So kalau ada pertukaran ke apa bukan our control.”

(Informan 3, 3 November 2023, Kajian Lapangan)

Menurut pernyataan yang diberikan informan 3, Kampung Budaya berada di bawah Jabatan Pelancongan. Pertukaran atau isu politik tidak begitu menjelaskan organisasi mereka kerana dasar yang telah ditetapkan tidak berubah meski banyak cabaran yang dihadapi dalam dunia politik.

### 4.3.3 Cabaran isu kewangan

Aset warisan adalah unik dan sering menentang kaedah penilaian konvensional. Kepentingan sejarah, budaya, dan sosial mereka menjadikannya sukar untuk menetapkan nilai kewangan. Mengiktiraf dan mengukur aset warisan dari segi kewangan boleh menjadi kompleks kerana keunikannya. Menguruskan aset warisan melibatkan pengambilan keputusan tepat pada masanya. Kelewatan boleh memberi kesan kepada usaha pemeliharaan dan perancangan kewangan. Secara ringkasnya, mengimbangi pertimbangan kewangan dengan pemeliharaan warisan budaya kekal menjadi cabaran besar bagi agensi kerajaan dan pengurus warisan. Menangani cabaran-cabaran ini dapat meningkatkan pengiktirafan dan pengurusan aset warisan yang berkesan(Rosli et al., 2019).

Menurut informan 2, beliau berpendapat bahawa cabaran kewangan merupakan antara salah satu masalah utama yang telah dihadapi oleh pihak berkepentingan. Hal ini kerana dana merupakan elemen yang paling penting dalam usaha melaksanakan sesuatu program mahupun aktiviti.

“kewangan satu hal, mana mana pun dok cukup pun duit.. mari ah enam juta pun memang takkan cukup”

(Informan 2, 3 November 2023, Kajian Lapangan)

#### 4.4 Penutup

Kesimpulannya, bahagian ini telah menerangkan dapatan kajian yang telah diperoleh pengkaji. Bab ini amat penting bagi menggambarkan keseluruhan kajian. Pengkaji telah mendapatkan data daripada pelbagai sumber untuk menjawab persoalan kajian. Teori pihak berkepentingan yang dipilih juga turut memberi kefahaman dengan jelas tentang tajuk kajian yang telah dipilih oleh pengkaji.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB LIMA

### CADANGAN DAN KESIMPULAN

#### 5.0 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan mengenai rumusan yang dibuat melalui semua dapatan kajian yang diperoleh pengkaji semasa menjalankan sesi temu bual. Hasil pemerhatian yang diperoleh pengkaji semasa melakukan kajian lapangan ke Kampung Cina telah mendapati bahawa banyak perubahan yang berlaku di Kampung Cina di mana ia tidak seperti Kampung Cina yang pernah pengkaji lawati sewaktu kecil. Kampung Cina yang dilawati kini sudah tidak sama seperti dahulu. Ianya kian menjadi hambar kerana banyak daya tarikan pada suatu ketika dahulu kini sudah tidak ada lagi. Malahan beberapa infrastruktur yang ada tidak dijaga dengan baik kerana tiadanya peranan pihak berkepentingan dalam menguruskan bangunan rumah kedai lama disini.

Bab satu dalam kajian ini telah membincangkan tentang latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, skop kajian dan kepentingan kajian. Pengkaji telah memilih Kampung Cina Kuala Terengganu dan Kampung budaya Terengganu sebagai tempat untuk melakukan kajian. Lokasi ini dipilih kerana dua pengkaji ingin melakukan perbandingan terhadap sebuah pengurusan warisan terhadap sebuah lokasi yang sudah lama bertapak di Terengganu serta lokasi yang agak baru di Terengganu. Hasil pemerhatian yang diperoleh pengkaji semasa melakukan kajian lapangan ke Kampung Cina telah mendapati bahawa banyak perubahan yang berlaku di Kampung Cina di mana ia tidak seperti Kampung Cina yang pernah pengkaji lawati sewaktu kecil. Kampung Cina yang dilawati kini sudah tidak sama seperti dahulu. Ianya kian menjadi hambar kerana banyak daya tarikan pada suatu ketika dahulu kini sudah tidak ada lagi. Malahan beberapa infrastruktur yang ada tidak dijaga dengan baik kerana tiadanya peranan pihak

berkepentingan dalam menguruskan bangunan rumah kedai lama disini. Di Kampung Budaya pula, pengkaji dapat menikmati sebuah keindahan warisan yang boleh dirasai melalui pengalaman apabila berkunjung ke situ. Setiap pengunjung yang datang akan diberi satu panduan buku di mana setiap pengunjung dapat merujuk buku panduan tersebut untuk menikmati keindahan Kampung Budaya. Justeru pengkaji telah mengemukakan beberapa permasalahan kajian yang berkaitan dengan pengurusan warisan terhadap lokasi tersebut. Hasil daripada pemerhatian pengkaji turut menimbulkan banyak persoalan kajian berkenaan dengan siapakah pihak berkepentingan terhadap bangunan rumah kedai lama di Kampung Cina dan Kampung Budaya, apakah usaha yang mereka lakukan serta cabaran-cabaran yang mereka hadapi dalam menguruskan sesebuah warisan. Kajian ini dilihat sebuah perkara yang penting kerana projek penyelidikan sedikit sebanyak dapat membantu pengkaji serta pihak berkepentingan dalam sesebuah pengurusan warisan.

Selain itu, kesimpulan yang diperoleh daripada bab dua yang membincangkan tentang sorotan kajian lepas yang berkaitan dengan sesebuah pengurusan warisan dapat membantu pengkaji dalam meningkatkan pemahaman terhadap kajian yang telah dijalankan. Sorotan kajian lepas juga membantu dalam mengukuhkan lagi data data yang diperoleh pengkaji. Pengkaji banyak merujuk kepada kajian kajian lepas yang berkaitan dengan pengurusan warisan, bangunan-bangunan warisan, kaedah pemeliharaan dan pemuliharaan. Hal ini kerana kajian-kajian lepas juga boleh menjadi contoh dan panduan terbaik kepada pengkaji dalam menyiapkan kajian ini. Oleh itu, sorotan-sorotan kajian yang telah ditemui pengkaji adalah berkaitan dengan tajuk kajian pengkaji.

Seterusnya, bab tiga dalam kajian ini membincangkan tentang metodologi kajian. Pengkaji telah memilih kaedah kualitatif untuk memahami fenomena sosial dan pengalaman manusia dengan cara yang lebih holistik dan mendalam. Pendekatan ini

membolehkan penyelidik meneroka kerumitan kehidupan sosial dan kepelbagaiannya pengalaman manusia. Kaedah kualitatif juga mempunyai pelbagai cara dan inovatif untuk memahami dan memperoleh data mengenai kajian. Ia mendedahkan perasaan, persepsi, dan sikap topik tertentu. Ia juga merangsang interpersonal dan saling bergantung hubungan di kalangan manusia. Justeru, metodologi yang dipilih adalah bersesuaian dengan kehendak kajian. Pengkaji telah menemu bual beberapa orang informan dari Kampung Cina dan Kampung budaya yang mempunyai peranan sebagai pihak berkepentingan terhadap lokasi tersebut.

Bab empat telah membincangkan hasil kajian yang diperoleh pengkaji semasa menjalankan temu bual. Melalui temu bual bersama pihak berkepentingan di dua lokasi yang berbeza, pengkaji telah dapat memperoleh banyak data yang membantu pengkaji dalam menyiapkan kajian ini. Kesemua persoalan telah dijawab oleh informan dari Kampung Cina dan Kampung Budaya sekaligus menjawab persoalan kajian pengkaji. Melalui temu bual yang dijalankan, pengkaji telah menemui beberapa tema kajian yang banyak membantu pengkaji dalam membuat perbandingan di antara dua lokasi pilihan pengkaji. Hasil dapatan kajian ini juga sangat membantu pengkaji untuk mengetahui penglibatan pihak berkepentingan dalam sesebuah pengurusan warisan dan impaknya kepada sesebuah bangunan mahupun kampung.

## 5.1 Cadangan

### 5.1.1 Kampung Cina Kuala Terengganu

Pihak berkepentingan tidaklah terhad kepada sesebuah organisasi sahaja, ia merangkumi semua pihak yang perlu mengambil tanggungjawab mereka dalam memelihara serta menjaga sesebuah bangunan ataupun tapak warisan. Kampung Cina Kuala Terengganu merupakan sebuah aset warisan yang sangat bermakna kerana telah bertapak disitu lebih daripada 300 tahun. Meskipun banyak perubahan yang berlaku dari segi kependudukan, infrastruktur serta kemudahan yang terdapat disitu. Pihak berkepentingan perlu mengambil tanggungjawab dalam menjaga serta memastikan segala penambahbaikan dilaksanakan dengan baik agar bangunan rumah kedai lama yang terdapat disitu kekal terpelihara sehingga hari ini.

### 5.1.2 Kampung Budaya Terengganu

Kampung Budaya Kuala Terengganu merupakan sebuah perkampungan budaya yang mempamerkan kekayaan warisan negeri Terengganu. Ia terletak di kawasan Muzium Negeri Terengganu dan menempatkan tujuh buah rumah tradisional, termasuk Rumah Nelayan, Rumah Bujang Berserambi Selasar, Rumah Bujang Berkembar, Rumah Limas Belanda, Rumah Tele, Istana Tengku Long, Laman Singgahsana, dan Laman Warisan . Kampung ini adalah destinasi pelancongan yang meriah, di mana pengunjung boleh dihiburkan oleh permainan tradisional yang berputar keseronokan dan keseronokan, dan terpesona oleh kawanan penari yang membangkitkan semangat. Pengunjung boleh merasai sendiri cara hidup yang sebenar orang di Pantai Timur Malaysia. Idea menuju Kampung Budaya ini adalah sebuah usaha yang sangat bernas dan

patut dikagumi. Hal ini kerana, masyarakat bukan sahaja diberi pendedahan serta pengetahuan tentang sejarah kehidupan terdahulu malahan mereka juga dapat menikmati dan merasai sendiri pengalaman apabila berkunjung ke sini.

## 5.2 Kesimpulan

Secara kesimpulannya, kedua-dua lokasi yang dipilih oleh pengkaji merupakan aset warisan yang sangat bermakna kepada negeri Terengganu kerana sumbangannya sangat besar dalam pembentukan sosial budaya masyarakat negeri tersebut. Dalam menjaga dan memulihara warisan dan budaya dalam sesebuah negeri, semua pihak perlu mengambil peranan dan tanggungjawab masing-masing.

## Rujukan

- Aas, C., Ladkin, A., & Fletcher, J. (2005). Stakeholder collaboration and heritage management. *Annals of Tourism Research*, 32(1), 28–48. <https://doi.org/10.1016/j.annals.2004.04.005>
- Abdul Rashid, R. (2011). *Amalan Baik Senggaraan Bangunan Warisan di Malaysia*.
- Ahmad Sabri, F. S. (2021, February 8). *Legasi Dan Keunikan Cina Peranakan Terengganu Sejak Tujuh Abad*. TRDI News. <https://www.trdi.my/legasi-dan-keunikan-cina-peranakan-terengganu-sejak-tujuh-abad>
- Ain, M. N. (2018, July 2). *Travelogue Terengganu : Keunikan Chinatown*. ALONGMURNI. <https://www.alongmurni.com/2018/07/travelogue-terengganu-keunikan-chinatown.html>
- Ariff, M. M. (2020, December 15). *Menjejak Tapak Warisan Pelancongan Negara di Terengganu*. BERNAMA. <https://www.bernama.com/bm/rencana/news.php?id=1912298>
- Barney, J. B., & Harrison, J. S. (2020). Stakeholder Theory at the Crossroads. *Business & Society*, 59(2), 000765031879679. <https://doi.org/10.1177/0007650318796792>
- Besana, D. (2019). Cultural heritage design: theories and methods for the project complexity management. *EGE-Expresión Gráfica En La Edificación*, 11, 31. <https://doi.org/10.4995/ege.2019.12864>
- Braun, V., & Clarke, V. (2008). Using Thematic Analysis in Psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–101. <https://www.tandfonline.com/doi/abs/10.1191/1478088706QP063OA>
- Haron, C., & Shafiee, H. I. (2021, September 27). *Kampung Budaya Terengganu*. PITAS2030. <https://pitash2030.terengganu.gov.my/kampung-budaya-terengganu/>
- Idris, N., T.S., T. I. S., & Mohammad, L. M. (2021). The preservation of provincial identity in baroque influenced artistic architectural structure at Kampung Cina, Terengganu. *Malaysian Journal of Society and Space*, 17(2). <https://doi.org/10.17576/geo-2021-1702-33>

- Ithnin, H. (2019, April 12). *Warisan kampung cina*. Harian Metro.  
<https://www.hmetro.com.my/santai/2019/04/443904/warisan-kampung-cina>
- JWN. (2012). *Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan* .
- Merican, D. D. A. M. (2016, May 11). *Mempertahankan warisan khazanah desa*. BH.  
<https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/61/2016/05/152424/mempertahankan-warisan-khazanah-desa>
- Mustafa, S., Marzuki, M., Ramli, R. S., Mapjabil, J., Zainal Abidin, M. K., & Yusoh, M. P. (2015). Pengurusan bandar warisan UNESCO dan penglibatan komuniti tempatan: Kajian kes di George Town, Pulau Pinang. *Journal of Society and Space*, 12(11), 87–99.  
<https://jurnalarticle.ukm.my/9559/1/9.geografi-si-nov15-solihah-edam1.pdf>
- Saari, F. A., Mohd Nasir, M. R., Wan Mohammad, W. S. N., Abdullah, N., & Muhammad Apandi, S. N. A. (2021). *Pelaksanaan kerja penyelenggaraan rumah kedai lama dalam zin warisan di Kota Bharu Kelantan Malaysia*.
- Silva, A. T., & Roders, A. P. (2012). *Cultural heritage management and heritage (impact) assessments*.
- Simon, B. (2016, November 23). *What Is Stakeholder Theory and How Does It Impact an Organization?* Smartsheet. <https://www.smartsheet.com/what-stakeholder-theory-and-how-does-it-impact-organization>
- Staff, C. (2023, November 22). *What is Human Resource Management? Definition + Career Guide*. Coursera. <https://www.coursera.org/articles/human-resource-management>
- Sua, T. Y., & Ngah, K. (2013). *Socio-historical Development of the Kampung Cina Settlement in Kuala Terengganu – Gerakbudaya*. Web.archive.org.  
<https://web.archive.org/web/20180120191811/http://gbgerakbudaya.com/home/product/socio-historical-development-of-the-kampung-cina-settlement-in-kuala-terengganu/>

- Syukri, S. (2022, September 7). *Pelihara aset warisan demi kelestarian identiti Malaysia*. BH.  
<https://www.bharian.com.my/kolumnis/2022/09/997411/pelihara-aset-warisan-demi-kelestarian-identiti-malaysia>
- Ugong, N. A. binti, & Bala, B. (2017). WARISAN BUDAYA KETARA: PERANAN KAMPUNG BUDAYA SARAWAK. *Jurnal Borneo Arkhaialogia (Heritage, Archaeology and History)*, 1(1), 9–24.  
<https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/JBA/article/view/1250/806>
- Van Vulpen, E. (2019, May 29). *The 12 HR Skills Every HR Generalist Needs [with Infographic]*. AIHR. <https://www.aihr.com/blog/hr-skills/#Communication>
- Wei, S. L. (2020, December 15). *Menjejak Tapak Warisan Pelancongan Negara di Terengganu*. BERNAMA.  
<https://www.bernama.com/bm/rencana/news.php?id=1912298>
- Yatim, N. (2020, September 3). *Kampung Budaya Terengganu tarikan baharu di Muzium Negeri*. Sinar Harian.  
<https://www.sinarharian.com.my/article/99561/edisi/terengganu/kampung-budaya-terengganu-tarikan-baharu-di-muzium-negeri>
- Yusodd, Y. M., Dollah, H., & Kechot, A. S. (2011). Akta Warisan Kebangsaan 2005: tinjauan sepintas lalu. *Jurnal Melayu*, 8, 173–188.
- Zolkiply, Z. I. (2020, September 3). *Kampung Budaya Terengganu tarikan pelancongan* .  
<https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/09/727705/kampung-budaya-terengganu-tarikan-pelancongan-terbaru>

## Lampiran



Gambar: Temubual bersama 2, Encik Ahmad Fathil

Sumber: Kajian Lapangan 2023



Gambar: Temubual bersama Informan 1, Dato Low Wan Cheong

Sumber: Kajian Lapangan 2023



Gambar: Temubual bersama Informan 4, Ee Lin Foo

Sumber: *Whatsapp call 2023*



Gambar: Temubual bersama Informan 3, Cik Rabiatul

Sumber: *Kajian Lapangan 2023*

## TRANSKRIP TEMUBUAL

NAMA INFORMAN	CIK RABIATUL
PERANAN	PEMBANTU PENERANGAN
TARIKH TEMUBUAL	3 NOVEMBER 2023
LOKASI	KAMPUNG BUDAYA TERENGGANU

Cik Rabiatul	Saya sebagai pembantu penerangan atau pentadbiran penerangan tetapi pada masa yang sama saya bahagian pengurusan juga. Kalau tanya staff lain pun diorang akan jawab semua pembantu penerangan melainkan kalau diorang ade specific task yang diorang kene handle.
Balqis	Saya ingin bertanya kepada Cik Rabiatul berkenaan Kampung Budaya. Pihak manakah yang bertanggungjawab terhadap Kampung Budaya?
Cik Rabiatul	Kampung Budaya merupakan dibawah pengurusan jabatan pelancongan, jadi pihak yang bertanggung jawab ialah jabatan pelancongan negeri Terengganu. Oleh itu, sekiranya apa-apa perkara akan dirujuk oleh jabatan tersebut. Contohnya seperti surat-menyurat juga akan ke Jabatan Pelancongan Negeri Terengganu dan diproses ke Kampung Budaya.
Balqis	Sekiranya ingin mengadakan program, adakah program tersebut dibawah Kerajaan atau Pelancongan?
Cik Rabiatul	Jika kita ingin melakukan program, program tersebut akan diusulkan atau diangkat ke Jabatan Perlancongan Negeri Terengganu. Maknanya, persetujuan dan kelulusan itu, di atas pengarah. Kerana walaupun Kampung Budaya mempunyai General Manager tetapi General Manager ni kene angkat kelulusan pengarah kerana uniknya Kampung Budaya ni dibawah Jabatan Perlancongan.
Balqis	Ohh, jadi dia tak boleh buat keputusan begitu sahaja ye?

Cik Rabiatul	Iya betul. Macam minggu depan nak buat apa-apa kan sebab kita tak ada dana tu. Dana tu memang daripada Jabatan Perlancongan. Jadi adalah dia punya education tu atau peruntukan dia untuk guna duit mana, saluran mana. Jadi maksudnya kalau kita nak buat program memang kita tak ada cash. Jadi memang kita kene angkat. Macam contoh minggu lepas kite nak buat program, kite kene sebulan sebelum nak buat program tu kite kene ikut proses atau sop tu kene buat surat berkenaan program ni dan peruntukan dia semua dan pengarah lulus ke tak peruntukan ni. Sama ada peruntukan tu kurang dari peruntukan yang kita mintak kepe. Memang macam tu. Jadi macam proses pembayaran pun sama, kita kene sediakan semua documentation ke Jabatan Perlancongan dan Jabatan Perlancongan akan uruskan semua.
Balqis	Jadi proses pembayaran akan dibayar dulu ke atau program dulu bayar kemudian?
Cik Rabiatul	Documentation tu akan disediakan sebelum program berjalan. Jadi maksudnya, pembayaran itu kalau ikut sop tu kan sebenarnya, kita akan terima selepas program tapi documentation tu kite kene proses sebab pembayaran tu bukan melalui cash tetapi melalui L.O. Jadi kita akan masukkan akaun kita dan itulah prosesnya. Jadi kite kene angkat sebelum program.
Balqis	Lama jugaklah prosesnya?
Cik Rabiatul	Proses pembayarannya ambil masa 14 hari. Dari tempoh keluarnya L.O. tapi biasanya diorang akan angkat L.O ni sebelum program lah
Balqis	Itu program daripada Kampung Budaya sendiri. Kalau program melibatkan NGO?
Cik Rabiatul	Dia nak buat program dengan kita?
Balqis	Iya,
Cik Rabiatul	Satu, kate lah bende tu dari NGO jadi NGO akan datang jumpa kita. dia kata nak buat program jadi dia adalah tarikh dan sekian-sekian. Still, diorang kene buat surat kepada Jabatan Perlancongan. Baru kita ambik perjalanan. Bila pengarah kata dia boleh buat program tu dengan kita baru

	kita ambik perjalananlah dan baru kita akan arrange bayaran yang dikenakan, apa keperluan yang dia nak.
Balqis	Saya akan masuk bahagian politik sikit lah ea?
Balqis	Adakah campur tangan politik sekarang ni menjelaskan pengurusan? Macam contohnya, dulu orang lain yang uruskan dan sekarang Menteri lain sebab lain orang kan lain cara.
Cik Rabiatul	Kita dibawah Kerajaan negeri jadi bende tu tak banyak terkesan lah sebab kita dibawah government kan jadi apa-apa dibawah jabatan perlancongan. So kalau ada pertukaran ke apa bukan our control. Macam saya, walaupun saya di peringkat pentadbiran keterangan tapi kita tak terlalu espouse peruntukan yang dibuat setiap hari. Jadi so far kalau ada perubahan Kerajaan negeri, kita takkan banyak terkesan. Contohnya, macam kat jabatan perlancongan, dia ada sutera dia ada penari kan. Penari lelaki dan penari Perempuan semua tu kan. Jadi bila bertukarnya Kerajaan, Perempuan tidak dibenarkan menari. Itu memang terkesanlah tapi di peringkat warisan cam kita. sebab kita, lelaki ke Perempuan ke semua pembantu penerangan, dia tak ada yang menari pun jadi tiada apa. Kalau ada campur tangan politik pun tak ada jauh beza pun bertukar. Sebab kita pun setakat ni pengurusan kita pun jabatan perlancongan sahaja. Tiada lagi bertukar-tukar tangan.
Balqis	Kalau dari segi pelancong tu, Kampung Budaya ada target ke berapa kunjungan pelancong atau KPI yang diperlu?
Cik Rabiatul	Setakat ni tiada lah. Kita tidak meletak amount full fill target cuma kene make sure dalam satu bulan kene ada pengunjung sama ada daripada domestik atau luar negeri.
Balqis	Jadi, sepanjang tiga tahun penubuhan ni tak nampak lah kalau sekarang ramai ke atau dahulu lebih ramai ke?

Cik Rabiatul	Data pengunjung tu kita ada, cumanya dulu masa 2020. Kita tak ada satu, macam pengurusan dibawah jabatan perlancongan tapi kita tak ada pengurusan di sini. Jadi semua pengurusan tu semua jabatan perlancongan lah yang akan handle. Jadi dari dulu mase tahun 2020 kita buka untuk free. Jadi mase kita rasmi tu memang masuk semua free je.
Balqis	Jadi income jana daripada mana?
Cik Rabiatul	Sebab yang tu memang dah ada peruntukan memang daripada Kerajaan negeri sebab Kampung Budaya ada satu ikon perlancongan baharu jadi die memang free sampailah 31, 12, 2020. Starting 2021 ada amaun untuk pengenalan tetapi harga tiket tu memang berbeza dan 2022, 2023 baru maintain harga macam sekarang.
Balqis	Sepanjang tempoh tu. Bukan ada tempoh covid ke?
Cik Rabiatul	Bila covid tu memang kita tutup lah.
Balqis	Tutup terus lah?
Cik Rabiatul	Haah. Tutup terus. jadi memang kita tak generate ape lah tapi staff masih ada.
Balqis	Staff masih bekerja?
Cik Rabiatul	Iya, staff masih bekerja tapi kita ada syiff. Contoh dia ikut daerah mana yang lepas untuk bekerja dan ada jadual lah. Ada perubahan yang berlaku tetapi staff masih ada
Balqis	Jadi masa covid kan orang tak pergi ke mana-mana kan jadi tak boleh educate people?
Cik Rabiatul	Haah xde tapi kite ada pemerkasaan staff. Maksudnya, kita ade tiga jenis aktiviti yang kita nak tambahkan skill. Maksudnya kita ajar semua staff untuk menganyam, ukiran dan sebagainya. jadi ada skill yang semua staff kene belajar.
Balqis	Jadi tadi Cik Rabiatul ada bercakap berkenaan training staff kan. Training staff tu dari siapa?

Cik Rabiatul	Macam anyaman ade lima orang yang dihantar pergi kursus. Kita dihantar kursus ke kraftangan cawangan negeri Terengganu. Jadi ade lima orang yang akan pergi kursus dan balik, mase tu lucky sebab kita hantar kursus tu sebelum control order. Jadi lima orang ni balik memang kene train ajar staff. Kita dapat sijil. Contoh die ajar ukiran, pekerja kita memang ada sijil untuk skill tu. Jadi kita ni dikalangan staff ni bukan staff yang biasa-biasa tapi ada skill dia yang tersendiri
Balqis	Jadi skill tu educated people melalui skill?
Cik Rabiatul	Iyaa melalui skill, sebab kita time tu target bukanlah target tapi kita nak semua staff multitasking walaupun sorang ni takde, ade orang lain yang boleh cover jadi semua orang kene tahu semua bende. Jadi sebab tu semua staff kite multitasking. Kalau contoh orang ni takde orang ni boleh pergi sane. Macam akak sendiri boleh anyaman, just say that orang ni takde jadi akak boleh ke sane. Kalau orang gamelan tak cukup orang. Team ni boleh ke gamelan. Tapi atleast kene ada orang lah cover. Tapi waktu tu arrangement pun kene like says that orang tu takde kat checkpoint tu kite boleh rotate sesame kitorang sendiri. Backup each other lah.
Balqis	So sepanjang tiga tahun Cik Rabiatul dari awal kan, mana cabaran yang paling hebat sekali dalam educate people?
Cik Rabiatul	Cabaran ye?
Balqis	Ye cabaran dalam educate people
Cik Rabiatul	Educate people ke atau staff?
Balqis	Dua-dua

Cik Rabiatul	Dari staff tak de masalah pun sebab so far mase kita buat tu kerjasama diorang okay jadi diorang terima perkara baru jadi kalau kata cabaran tu bila kita memang ada skill still kite bergantung kepada pengunjung. Sini kalau takde pengunjung takde apa lah. Dia kene ada pengunjung pastu lagi cabaran dia ialah kampung budaya ni tak ramai yang tahu. Macam orang ingat waktu awal tu kita ada buat festival seloka budaya. Kita buat program tu seminggu cam tu lah sempena program cuti sekolah tahun lepas, keesokannya tu tak de dah orang. Ada orang tu datang dan comment dari pengunjung “kita ingatkan Kampung Budaya ni buat event je kat sini bukan tempat perlancungan” orang tak tahu yang ia satu tempat perlancungan sebenarnya dan dia tak tahu kita sebenarnya ada waktu operating hour dari sabtu sampai khamis jadi sabtu sampai rabu tu dari 9 pagi sampai 5 petang, hari khamis pulak sampai 4 petang. So mereka tak tahu bende tu, mereka kata Kampung Budaya ni bukak hari-hari ke. Kita haah bukak hari-hari kecuali jumaat macam tu. Jadi kesedaran orang tak tahu lagi jadi kita jadi terpaksa walaupun dah tiga tahun tapi kite still kene educate pengunjung untuk bercakap, owhh kita ade hari-hari pengunjung. jadi sebab tu salah satunya memang kite kene update kat social media bila ade lawatan kita kene update lah
Balqis	Jadi ia salah satu metode lah untuk menarik?
Cik Rabiatul	Ya, ia salah satu metode lah untuk kita menariknya. Kene bagitahu bende tu ada sebenarnya.
Balqis	Kenape program yang besar kan memang setiap tahun kene ada program tu?
Cik Rabiatul	Program pelita raya ya. Tu program annual
Balqis	Jadi program tersebut melibatkan siapa? Maksud saya macam program ni kene ade penglibatan polis ke sebab untuk jaga jalan ke camne ke?

Cik Rabiatul	Penglibatan tu ramai dari segi program ni. Dia program Kerajaan negeri macam pelita raya jadi dia akan melibatkan pelbagai jenis agensi macam rela dari segi keselamatan dan polis pun akan ada dan bomba. Maksudnya bagi mewujudkan program tersebut, dia akan ada penyelaras dia, siapa bahagian ini dan incharge makanan dan sebagainya. bahagian luaran pun ada macam Kesihatan, dia akan ada kerjasama dari banyak agensi. Jadi contoh majlis bandaraya, jadi ahli jawatan kuasa ni bukan ahli jawatan kuasa teknikal sahaja maksudnya internal yang dekat-dekat macam muzium ke jabatan perlancongan ke sebab dia sekali kan tapi external ni dia ada jawatan kuasa induk melibatkan siapa, datuk bandar banyak lah penglibatan dia. Penyediaan barang-barang ke interm of teknikal ke barang tak cukup kepe. Bila program dibawah Kerajaan negeri ni dia banyak lah open dari segi ahli jawatan kuasa.
Balqis	Jadi yang pelita tu dah tiga kali ke buat atau?
Cik Rabiatul	Dia sebenarnya hampir setiap tahun lah cumanya waktu 2020 tu bukan jabatan perlancongan lagi jadi dia tak masuk lagi time tu. Muzium rasanya yang buat dulu. Kalau tak silap empat kali dah rasanya.
Balqis	Dulu masa saya kecil, saya ada juga datang ke Kampung Budaya, waktu tu kawasan Kampung Budaya ni muzium lah ye?
Cik Rabiatul	Sebelum Kampung Budaya ni, die memang muzium pun. Memang boleh masuk
Balqis	Memang boleh masuk lah?

Cik Rabiatul	Memang boleh masuk. Contohnya ya masa awakgi muzium tu akan bayar tiket kan. sewaktu tiket tu kite akan bagitahu lima ke tujuh galeri. Jadi dua galeri tu ada kat bawah ni, galeri perikanan dan galeri <b>merutim</b> . Jadi termasuk dalam tiket tu awak kene masuk bawah ni. Kalau awak pergi rumah pun awak lalu bawah je. Tak boleh masuk dalam rumah haa tu dulu. Dulu pun masa tahun 2006 ada bukak untuk rumah, dia ada banyak cerita dia dulu. Dia ada cerita memang ada yang ada agensi yang masuk, dia jaga dan handle rumah ni lah dia masuk tapi lepas pada tahun 2006 rumah ni tak dibuka untuk pengunjung. Maksudnya kita datang buat pameran luar sahaja lalu sahaja ikut track dia. Pada tahun 2020 tu maksudnya bulan 8 tu kite set up untuk Kampung Budaya. Jadi semua barang kita bawak masuk. Bulan 9 tu pengunjung dah boleh masuk so masa tu sebelum tu memang disediakan oleh muzium seperti technical, maintenance dan sebagainya cumanya ada orang tambahan. Maksudnya kita jabatan perlancongan pertugas dia sendiri tambah sekali dalam menjaga kesejahteraan rumah tu
Balqis	Okay jadi kan kat Sarawak pun ada culture village jugakkan? jadi Kampung Budaya sini adakah ibarat meniru?
Cik Rabiatul	Nak kata meniru tu mungkin jauh lagi lah sebab Kampung Budaya ni kita kate boleh pergi jauh, banyak lagi yang dia harus improve lah tapi of course lah ada banyak benda yang kene tengok balik lah macam Kampung Budaya nak ikut macam Sarawak Culture Village tu. So sebagai contoh interm of facility. Macam kate kite nak buat persembahan, kalau kat sane dia ade satu tempat dewan khas kan so dia ada facility yang memang baguslah. Nak kate Sarawak ni pun nak jadi cam sekarang ni pun take time. Its take long time to publish camtulah. Pastu kita kate kampung Budaya ni slow-slow, dia bukan meniru tapi dia kene banyak tengok angle lah. Kalau dari segi staff, persembahan kene ada jadual dia. Macam kalau kat sini jadual persembahan kene masih ada jadual dia. Maksudnya, kite kene ada kolabiasi dengan pejabat daerah camtu. Jadi kalau nak tu kene buat bebetul lah kalau meniru. Tapi dari segi sebagai staff kampung budaya tu jauh lagi perjalanan dia. Dia kene ada satu pengurusan yang bebetul nak meniru lah bende tu. Tapi of course, bende tu akan melibatkan kewanganlah.

Balqis	Sebelum Cik rabiatul di Kampung Budaya, Cik rabiatul dekat mane?
Cik Rabiatul	Saya punya bidang memang saya belajar business admin. Saya kerja di pelbagai bidang jadi tak ada kene mengena dengan tourism. Semasa pengambilan,
Balqis	Saya ingatkan kalau Kampung Budaya ni ada bidang yang
Cik Rabiatul	Tak. Dia camni mase pengambilan awal-awal tu boleh dikatakan dia punya staff ni banyak bidang, dia bercampur, bukan semua bidang tourism. Bidang tu bukan tourism sahaja. Dia ada pelbagai bidang macam bidang ukiran, arkitek dan sebagainya. jadi kami yang dihantar ke kursus selama dua minggu ni memang kene tahu pasal Kampung budaya dan semua kene tahu. Tapi kita jadi volunteer satu minggu sebelum dilancarkan kampung budaya. Masatu baru staff ni semua sekali akan di interview sebelum menjadi staff tapi bukan permanent lah hanya kontrak
Balqis	Jadi di sini ada batik jugak lah?
Cik Rabiatul	Kita awal dulu memang ada batik tapi bukan canting tapi dulu lah. Tapi kain dyeing tu terlampaui banyak so kita tukarkan kepada yang lebih unik lah. Untuk salah satu je. Maksudnya kita ada telepuk. Pembuatan telepuk tu dia ada sebelum songket tu bermula. Jadi sebelum ada nya songket kita ada telepuk ulu. So motif-motif kat baju tu di tekap guna emas 24 karat. Jadi kita ada orang tu hanya dua orang je yang ada kat dalam Malaysia satu tok guru dia dan lagi satu muridnya jadi kat situ Nampak uniknya.
Balqis	Harapan cik rabiatul kepada Kampung Budaya

Cik Rabiatul

Harapan ye, Kalau dari segi harapan tu, dia kampung budaya ni sebenarnya satu khazanah yang warisan yang mewakilkan kesenian jadi kita harap sangat benda-benda dijaga dan educate generation muda sekarang ni. Kita lagi satu memang bersesuaian lah dengan apa orang kata plan asalnya dia nak buat kan kampung budaya ni living museum so it is very interesting kalau kata memang kampung budaya ni ada elemen-elemen yang tiada di tempat lain. Contohnya kita kata ea Sarawak culture village kan. Kita pergi memang kita duduk kita tahu budaya Sarawak kan. Maksudnya semua orang ada buat persembahan jadi orang sanggup bayar lebih pun tak kesa sebab dia sanggup beratur pun demi bende tu. Untuk tengok bende tu even kalau kita pergi kat satu Australia ke mane ke dia cam orang tak berkira tau untuk bayar sesuatu tu. So kalau kampung Budaya ni boleh pergi jauh lagi jadi harapan tu maknanya satu mestilah dari segi maklumat tu lah. Kita kene pergi lagi educate lagi warisan kita ni kene highlight lagi pastu dengan tapi disamping bende-bende tu mungkin untuk peringkat awal ni memang berkenaan perbelanjaan lah sebab kita nak naik taraf ke atau macam orang kata educate kita punya staff sendiri ke sebab benda-benda tu pun memang memainkan peranan sebab nak hidupkan satu tempat tu bukan pengurusan sahaja tau tapi tu melibatkan semua team lah. Yang bawah-bawah tu semua kene ada. Orang-orang tu semua memainkan peranan lah

Balqis

So dalam cik Rabiatul berusaha, ada tak sekali macam give up untuk macam saya yang belajar warisan ni. Kita belajar penat-penat tapi orang cam batik lah. Batik bende paling besar sekali isu dekat terengganu kan. Orang tak tahu batik asli ke. Biasa beli batik nak murah je. Tiktok jual tiga seratus. Jadi hilang lah identiti kita

Cik Rabiatul	Dia sebenarnya macam ni. Kalau kita tengok sendiri kan dari segi kalau pengalaman akak sendiri dari segi anyaman kan. Bape orang kate beli murah-murah dahlah. Orang tak tahu nilai tu berapa. Sebab tu salah satu bende yang kita wujud kan di sini kita ajak pengunjung untuk buat semua bende tu, rasa sendiri, tengok sendiri dan juga kita cerita kat diorang ni. Kita bagitahu ni contoh ye cam kat sini kite ade kek anyaman kan. Peringkat awal kita ada macam bentuk ikan tapi besar ikan tu cam 3 inci ke 2 inci cam tu untuk pengunjung buat bende tu kek anyaman tu sampai untuk diorang boleh bawak balik sejam ke dua jam. Bende tu kecik je, kecik sangat tapi bila diorang buat bende tu walau satu nak jadikan bende tu satu petakkan memang dia kata rupenye susah ingatkan senang. Kita educate perlahan-lahan melalui bende tu so bila nak buat ni jadi kita dah target. Contoh ada orang yang sanggup buat bende ni kan . kita bagitahu lah timing dia punya masa so memang siap sejam lah satu. kita pun tak pe, macam boleh je nak lame kat sini kan. Kita pun saje pengunjung duduk lame kat sini. Kita pun akan kecikkan sikit setengah jam. So dia buat jadi dia akan bende ni susah jadi dia tak kisah bayar bende tu. Maksudnya baru lah tahu maknanya. Kalau kita tak tunjuk, kita tak educate diorang, diorang tak tahu. So maksudnya macam nak kata batik tu memang kita akan rasa give up bila kita tapi kita sebenarnya ada jugak mainkan peranan. Nak cakap kat diorang hasilkan lilin. Nak buat tu senang je. Diorang tak tahu. Diorang igat ambik lilin panaskan gitu je. Kit ingatkan senang tapi cuba awak letak dalam tu, ingat tu belum tentu jadi
Balqis	Nak buat bulat pun
Cik Rabiatul	Haa belum tentu jadi. Sebab kitorang pernah try. Kitorang canting batik haritu dekat kraftangan memang tak jadi. So bende-bende macam tu lah, bende tu yang salah satu apa yang kraftangan buat. Dia nak educate orang.